

**TAN SRI ABD. SAMAD IDRIS:
SATU KAJIAN BIOGRAFI
(1946 - 1980)**

ROHAIZI BINTI BARU



**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1990/91



TAN SRI ABD. SAMAD IDRIS:
SATU KAJIAN BIOGRAFI
(1946 - 1980)

ROHAIZI BINTI BARU

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat ijazah Sarjana Muda
Kepujian Dalam Bidang Sejarah

Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini
ditulis dengan perkataan saya sendiri,
melainkan nukilan-nukilan dan ringkasan
yang mana tiap-tiap satunya telah saya akui
sumbernya.

Tandatangan

Tarikh

Dedikasi,

Untuk tok dan tokki ... jasa kalian membesarkan
diriku akan ku kenang sampai bila-bila
kasih sayang kalian yang mendorong aku
untuk ini ...

Untuk mak ... terima kasih untuk segalanya ...
ketabahan mu amat mengagumkan ...

Untuk adik ... semoga Rohmu diterima disisinya ...

Untuk adik beradikku telah ku sahut 'cabaran
di luar sedar' kalian

Untuk Nadzim
kehadiranmu menceriakan suasana

LATAR DIRI

Rohaizi binti Baru telah dilahirkan pada 14hb. Mei 1967, di Kampung Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu, ttetapi dibesarkandi Kampung Kuala Telemong, Kuala Terengganu. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Telemong, Kuala Terengganu dari tahun 1974-1979 (darjah 1-6), kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang, Terengganu dari tingkat satu sehinggalah tamat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Pada bulan Jun 1987, beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, dalam Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Pada tahun 1989, beliau telah tamat pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda Sastera. kemudian melanjutkan pengajiannya setahun lagi ke peringkat Ijazah Sarjanamuda Sastera Dengan Kepujian dalam bidang sejarah.

Tarikh

Tandatangan

PENGHARGAAN

Di awalnya, penulis bersyukur kepada Tuhan, kerana dengan Rahmat dan InayahNya, penulis telah dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Dikesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap semua pihak yang terlibat tertuamanya kepada tokoh yang dibuat kajian itu, ibu, isteri dan kedua orang adik beliau, kawan-kawan seperjuangan dan juga orang-orang perseorangan yang terlibat, kerana kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai untuk menjayakan Latihan Ilmiah ini.

Jutaan terima kasih penulis ucapkan kepada Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid kerana mencadangkan tajuk ini, juga kepada Encik Kamaruzaman Yusof yang telah sudi menjadi penyelia Latihan Ilmiah ini. Penulis juga terhutang budi atas dorongan dan bantuan yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga penulis hulurkan kepada semua kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Arkid Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Parlimen Malaysia kerana kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan ini.

SINOPSIS

Tan Sri Abdul Samad idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980), cuba meninjau riwayat hidup tokoh ini dan juga mengkaji bagaimana perjuangan politik dan kegiatan beliau dalam bidang sosio-ekonomi. Walaupun tokoh ini tidak mendapat pendidikan yang tinggi, umpamanya tidak mempunyai sebarang ijazah dalam bidang-bidang tertentu, namun yang nyata beliau telah berjaya dalam perjuangannya. Bermula dengan bidang perniagaan yang diceburi secara kecil-kecilan kemudian bergiat pula dalam bidang kewartawanan yang telah memudahkan beliau untuk mendalami bidang politik. Penceburan beliau yang serius dalam politik telah berjaya menonjolkan beliau sebagai seorang ahli politik negara. Beliau bergiat aktif dan telah memberikan tumpuan yang serius pula dalam bidang sosio-ekonomi. Jadi, kajian Latihan Ilmiah ini akan mengkaji bagaimana pengalaman-pengalaman hidup tokoh ini dari tahun 1946 sehingga 1980 yang merangkumi beberapa aspek dalam bidang politik dan sosio-ekonomi.

SINOPSIS

Tan Sri Abdul Samad idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980), cuba meninjau riwayat hidup tokoh ini dan juga mengkaji bagaimana perjuangan politik dan kegiatan beliau dalam bidang sosio-ekonomi. Walaupun tokoh ini tidak mendapat pendidikan yang tinggi, umpamanya tidak mempunyai sebarang ijazah dalam bidang-bidang tertentu, namun yang nyata beliau telah berjaya dalam perjuangannya. Bermula dengan bidang perniagaan yang diceburi secara kecil-kecilan kemudian bergiat pula dalam bidang kewartawanan yang telah memudahkan beliau untuk mendalami bidang politik. Penceburan beliau yang serius dalam politik telah berjaya menonjolkan beliau sebagai seorang ahli politik negara. Beliau bergiat aktif dan telah memberikan tumpuan yang serius pula dalam bidang sosio-ekonomi. Jadi, kajian Latihan Ilmiah ini akan mengkaji bagaimana pengalaman-pengalaman hidup tokoh ini dari tahun 1946 sehingga 1980 yang merangkumi beberapa aspek dalam bidang politik dan sosio-ekonomi.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
LATAR DIRI	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI KEPENDEKAN	x
SENARAI GAMBAR	xi
PENDAHULUAN	xii
 BAB I : Riwayat Hidup Tan Sri Abdul Samad Idris	
1.1 Kelahiran Dan Latar Belakang	1
1.2 Pendidikan	3
1.3 Perkahwinan Dan Keluarga	8
1.4 Kerjaya Di Peringkat Awal	10
 BAB II : Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Politik (1946-1980)	
2.0 Kesedaran Politik Di Peringkat Awal	19
2.1 Abdul Samad Idris Dan Politik UMNO Sebelum Tahun 1955	23
2.2 Tan Sri Abdul Samad Idris dan Pilihanraya Antara Tahun 1955-1969	33
2.3 Krisis Politik di Negeri Sembilan - Abdul Samad Idris Dan Isu Perlantikan Menteri Besar (1958-1969)	40

2.3.1	Perlantikan Dr. Mohd. Said Sebagai Menteri Besar Dan Peranan Yang Dimainkan Oleh Abdul Samad Idris	43
2.3.2	Abdul Samad Idris Dilantik Sebagai Timbalan Kepada Menteri Besar (1964-1969)	54
2.3.3	Mengapa Abdul Samad Dicalonkan Ke Parlimen Pada Pilihanraya 1969.	62
2.4	Kegiatan Politik Abdul Samad Idris Selepas 1969 Dan Penglibatannya Dalam Kerajaan Pusat	70
2.5	Kesimpulan	79

BAB III: Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Kebudayaan (1946-1980)

3.0	Pengenalan	83
3.1	Abdul Samad Idris Dan Persurat- khabaran Kewartawanan	85
3.2	Abdul Samad Idris Dan Badan Persuratan	89
3.2.1	ASAS Negeri	90
3.2.2	Kegiatan Dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)	97
3.3	Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Adat Perpatih	99
3.4	Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Kesenian	107
3.4.1	Seni Mempertahankan Diri Persaudaraan Nasrul Haq	107
3.4.2	Abdul Samad Idris Seorang Berjiwa Seni	110
3.5	Abdul Samad Idris Dan Konsep Kebudayaan Kebangsaan	112

Halaman

3.6	Abdul Samad Idris - Tokoh Budaya GAPENA 1980	118
3.7	Abdul Samad Idris dan Karya Penulisannya	123
3.8	Kesimpulan	124
 BAB IV : Tan Sri Abdul Samad Idris Dan Kegiatan Sosio-Ekonomi (1946-1980)		
4.0	Pengenalan	127
4.1	Kegiatan Sosio-Ekonomi Sekitar Tahun 1946 Hingga 1976	128
4.1.1	Kegiatan Berbentuk Ekonomi	128
4.1.2	Penglibatan Dalam Pertubuhan Sosial	130
4.1.3	Penglibatan Dalam Pertubuhan Sosial	135
4.2	Kegiatan Sosio-Ekonomi Pada Tahun 1976 Sehingga 1980	138
4.2.1	Kegiatan Belia	139
4.2.2	Kegiatan Sukan	147
4.2.3	Kegiatan Pertubuhan Sosial	151
4.3	Kesimpulan	152
PENUTUP		154
BAHAN-BAHAN RUJUKAN		165
LAMPIAN-LAMPIRAN		173
Lampiran I	Pergerakan Pemuda UMNO Pusat 1959-1960	173
Lampiran II	Calon-calon Yang Bertanding Bagi Dewan Undangan Negeri 1964	174
Lampiran III	UMNO Bahagian Kuala Pilah 1965	175

		Halaman
Lampiran IV	Pergerakan Pemuda UMNO (Pusat) 1965 - 1966	177
Lampiran V	Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan 1969	178
Lampiran VI	UMNO Bahagian Kuala Pilah 1969 (Sebelum Pilihanraya)	179
Lampiran VII	UMNO Bahagian Kuala Pilah (1971)	181
Lampiran VIII	UMNO Negeri Sembilan (1971)	182
Lampiran IX	Pegerusi Dan Timbalan Pegawai Tetap, Pegawai-pegawai Dan Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO (1971-1972)	183
Lampiran X	Negeri Sembilan : Kawasan Parlimen Bagi Pilihanraya 1978	185
Lampiran XI	Jemaah Menteri Kabinet Kerajaan Malaysia 1978	186
Lampiran XII	Sajak Hari Kebangsaan 1984	190
Lampiran XIII	Putera Berjasa	193
Lampiran XIV	Karya-karya Penulisan Abdul Samad Idris	194
Lampiran XV	Gambar : Minat beliau yang mendalam dalam bidang 'Sejarah dan Kebudayaan'	196
Lampiran XVI	Gambar : Sewaktu merasmikan suatu Majlis Kebudayaan	197
Lampiran XVII	Gambar : Sebuah Sekolah Menengah yang dinamakan sempena nama Tan Sri Abdul Samad Idris di Kampung Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	198

SENARAI KEPENDEKAN

ASAS NEGERI	-	Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan
ASAS 50	-	Angkatan Sasterawan Tahun 1950
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
GAPENA	-	Gabungan Penulis Nasional
IMP	-	Parti Kemerdekaan Melayu (Independent of Malay Party)
KKBS	-	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
KOBENA	-	Koperasi Belia Nasional
KPNLB	-	Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar
MBM	-	Majlis Belia Malaysia
MCA	-	Malayan Chinese Association (Persatuan Orang-Orang Cina Malaya)
MIC	-	Malayan Indian Congress (Kongress India Malaya)
MSN	-	Majlis Sukan Negara
PAS	-	Parti Islam SeMalaysia
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PEMENAS	-	Persekutuan Melayu Negeri Sembilan
P.I.B.G.	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru
PLPDBP	-	Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa Dan Pustaka
PNH	-	Persaudaraan Nasrul Haq
UM	-	Utusan Melayu
UMNO	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization)

SENARAI GAMBAR-GAMBAR

- Gambar I - Minat beliau yang mendalam dalam bidang 'Sejarah dan Kebudayaan'
- Gambar II - Sewaktu merasmikan suatu Majlis Kebudayaan
- Gambar III - Sebuah Sekolah Menengah yang dinamakan sempena nama Tan Sri Abdul Samad Idris di Kampung Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

PENDAHULUAN

Tan Sri Abdul Samad idris adalah seorang tokoh politik yang agak berjaya. Penglibatannya dalam politik negara adalah bermula dari bawah iaitu dari jawatan yang kecil di peringkat daerah sehingga seterusnya dilantik menjadi Menteri Kabinet. Di samping aktiviti politik, beliau juga bergiat aktif dalam kegiatan Sosio-Ekonomi terutamanya dalam bidang kebudayaan.

Dalam penulisan Latihan Ilmiah yang bertajuk "Tan Sri Abdul Samad idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980)" penulis ingin menonjolkan ketokohan Abdul Samad Idris sebagai seorang tokoh politik negara, tokoh Budaya Negara dan juga sebagai seorang tokoh yang begitu berkaliber dalam kegiatan Sosio-Ekonomi yang lain.

Dalam menentukan garis panduan penulisan ini, penulis telah memilih jangkamasa antara tahun 1946 sehingga 1980 dengan alasan dalam jangkamasa inilah tokoh yang dikaji telah menceburkan diri secara aktif dan giat dalam bidang politik, kebudayaan dan kegiatan sosio-ekonomi yang lain. Namun begitu penulis hanya memberikan tumpuan terhadap peristiwa-peristiwa penting yang dialami oleh tokoh tersebut dalam jangkamasa yang dicatatkan.

Dalam penulisan-penulisan lain, penulis mendapati belum ada sebarang penulisan yang dilakukan terhadap tokoh ini. Kerana itulah penulis telah mengambil inisiatif untuk mengenengahkan tokoh ini dalam penulisan Latihan Ilmiah dengan tajuk "Tan Sri Abdul Samad Idris : Satu Kajian Biografi (1946-1980)". Penulis juga berharap agar penulisan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada generasi akan datang.

Metodologi Kajian

Dalam menghasilkan penulisan latihan Ilmiah ini, penulis telah menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan di dalam perpustakaan dan juga penyelidikan di luar perpustakaan.

Bagi penyelidikan di dalam perpustakaan, penulis mendapatkan sumber-sumber daripada buku-buku, majalah, artikel-artikel, suratkhbar dan kertas-kertas kerja, sebagai persiapan sebelum menemui tokoh itu untuk ditemubual. Selain daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, penulis juga menjalankan penyelidikan di lain-lain perpustakaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Parlimen Malaysia dan Arkid Negara Malaysia, bagi mendapatkan sumber-sumber yang berkenaan.

Bagi penyelidikan di luar perpustakaan, penulis banyak menggunakan kaedah temubual, sebagai sumber lisan. Keterangan tokoh yang dikaji iaitu Tan Sri Abdul Samad Idris dianggap sebagai sumber utama. Penulis juga menemui tokoh-tokoh lain sebagai responden-responden seperti ibu dan adik-adik beliau serta kawan-kawan seperjuangan dalam politik, kebudayaan dan kewartawanan, bagi mendapatkan pandangan daripada responden ini tentang tokoh yang dikaji. Dengan demikian, penulis berharap akan dapat memantapkan penulisan terhadap tokoh itu, juga untuk mendengar dan menilai pandangan-pandangan orang lain terhadap kehidupan dan kegiatannya dalam semua bidang yang diceburinya.

Masalah Kajian

Dalam penulis untuk mendapat maklumat dan seterusnya untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini, penulis telah menghadapi beberapa masalah, diantaranya ialah kekurangan buku-buku yang ditulis mengenai riwayat hidup tokoh untuk dijadikan sumber rujukan. Jadi untuk mendapat fakta-fakta penulis terpaksa menemui tokoh dan responden-responden untuk mendapat fakta-fakta yang sebenarnya.

Dalam masa menjalankan sesi temubual, penulis menghadapi masalah kerana terdapat responden-responden yang enggan berkerjasama dan menceritakan beberapa peristiwa, dengan alasan ianya akan menyentuh perasaan golongan-golongan tertentu.

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat, fail-fail dan dokumen-dokumen daripada pejabat-pejabat kerajaan atau yang berkaitan misalnya Pejabat UMNO Kuala Pilah dan Negeri Sembilan gagal diperolehi kerana fail-fail yang lama sudah dibakar atau dibuang. Penulis juga dimaklumkan bahawa terdapat peristiwa-peristiwa penting pada tahun-tahun terawal UMNO di tubuhkan di Kuala Pilah yang tidak difailkan kerana kelemahan pentadbiran ketika itu. Keadaan ini menyulitkan penulis untuk mendapat sumber bukti yang sebenar.

Begitu juga dengan pejabat-pejabat kementerian yang berkaitan dengan tokoh yang dikaji iaitu kementerian yang pernah tokoh tersebut memegang jawatan. Penulis dimaklumkan bahawa fail-fail dan dokumen yang berkaitan telah disimpan dalam stor susah untuk mendapatkannya, juga dengan alasan-alasan pertukaran pegawai rekod dan pegawai yang berkaitan menyulitkan untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), merupakan kementerian yang agak penting dalam penulisan Latihan Ilmiah ini, kerana tokoh yang dikaji telah memegang jawatan sebagai menteri selama lima tahun (1976 - 1980). Penulis menghadapi masalah besar untuk mendapatkan maklumat tentang kegiatan tokoh yang dikaji kerana Pejabat KKBS telah mengalami kebakaran (terutama dalam Jabatan Kebudayaan) pada tahun 1985. Kesemua dokumen yang berkaitan telah hangus terbakar. Kini fail-

fail yang disimpan oleh KKBS adalah bermula daripada tahun 1985.

Untuk mendapatkan bahan di Arkid Negara Malaysia juga penulis menghadapi masalah. Penulis telah dimaklumkan bahawa kebanyakan pejabat dan kementerian yang berkaitan dengan tokoh yang dikaji tidak menghantar fail-fail mereka kepada pihak Arkid Negara, contohnya KKBS sebelum kebakaran berlaku. Menurut Arkib Negara, fail-fail yang sepatutnya dihantar kepada pihak Arkid Negara ialah fail yang telah berusia lebih dua puluh tahun.

Selain daripada masalah untuk mendapat sumber bukti masalah yang biasa terdapat pada seorang pelajar ialah kesuntukan masa dan sumber kewangan.

Sinopsis Kajian

Dalam penulisan Latihan Ilmiah ini, penulis telah mengkaji tentang beberapa perkara dan telah membahagikan kepada empat bab. Dalam bab I, telah ditulis mengenai riwayat hidup Tan Sri Abdul Samad Idris yang menyentuh tentang kelahiran, pendidikan, perkhawinan dan keluarga dan juga kerjayanya diperingkat awal.

Dalam bab II pula, menyentuh dan menceritakan tentang penglibatan dan kegiatan politik Tan Sri diperingkat daerah dan negeri dan mendedahkan bila, kenapa dan bagaimana bermulanya karier politik sehingga

beliau berjaya dilantik sebagai salah seorang menteri kabinet dalam tahun 1976 sehingga 1980.

Dalam bab III, penulis melihat kegiatan kebudayaan Tan Sri Abdul Samad Idris antara tahun 1946 sehinggalah tahun 1980 yang merangkumi kegiatan persuratkhabaran atau kewartawanan, kegiatan dalam Badan Persuratan, Adat Papatih, kegiatan kesenian dan konsep Kebudayaan Nasional yang diperjuangkannya. Hasil daripada kegiatan dalam kebudayaan yang tidak mengenal jemu, pada tahun 1980 sempena Hari Sastera 1980 GAPENA, beliau telah dianugerahkan sebagai tokoh Budaya.

Dalam bab IV pula, penulis melihat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Tan Sri Abdul Samad Idris dari segi Sosio-ekonomi (1946-1980). Beliau telah bergiat cergas dalam berbagai bidang termasuk ekonomi, kegiatan berbentuk agama, pertubuhan sosial dan kegiatan Belia dan Sukan ketika beliau memegang jawatan sebagai Menteri dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebagai penutup, penulis telah menyimpulkan segala cerita yang terdapat dalam keempat bab di atas. Penulis juga memuatkan pandangan daripada beberapa orang tokoh terhadap segala kegiatan dan ketokohan Tan Sri Abdul Samad Idris. Penulis juga telah memasukkan pandangannya terhadap tokoh yang dikaji.

BAB IV

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS DAN KEGIATAN
SOSIO-EKONOMI (1946 - 1980)

BAB IV

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS DAN KEGIATAN SOSIO-EKONOMI (1946 - 1980)

4.0 Pengenalan

Sebagai seroang aktivis, Abdul Samad terlibat secara langsung dalam dalam kegiatan sosio-ekonomi. Antara tahun 1946 hingga 1960an, ketika berada di Negeri Sembilan, berbagai-bagai usaha telah dijalankan untuk kepentingan penduduk di Kuala Pilah khasnya dan Negeri Sembilan amnya.

Pada awal tahun 1950an, beliau telah menyertai satu Jawatankuasa Ekonomi yang dianjurkan oleh pemerintah yang diketuai oleh Penasihat British iaitu Tuan Sheppard. Abdul Samad juga merupakan pengasas kepada Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan dan seterusnya menjadi pengerusinya.

Pada akhir tahun 1950an, ketika beliau menjadi Wakil Rakyat, beliau telah dilantik menjadi salah seorang Exco Kerajaan Negeri, bertanggungjawab dalam portfolio Pelajaran dan Kebajikan. Beliaulah yang bertanggungjawab dalam usaha mendirikan Sekolah Agama di Negeri Sembilan. Beliau juga terlibat dalam semua aktiviti yang berkait dengan pendidikan. Jawatan ini sesuai dengan pengalaman beliau sebagai seorang bekas guru.

Antara tahun 1976 hingga 1980 ketika menjawat jawatan Menteri di KKBS, beliau telah memberi tumpuan kepada tugasnya iaitu terhadap Belia dan Sukan. Selain daripada kegiatan kebudayaan yang telah dibincangkan dalam Bab sebelum ini.

4.1 Kegiatan Sosio Ekonomi Sekitar Tahun 1946 Hingga 1976

4.1.1 Kegiatan Berbentuk Ekonomi

Pada tahun 1953, satu jawatankuasa Ekonomi orang Melayu yang dipengerusikan oleh Tuan Sheppard yang ketika itu sebagai Penasihat British di Negeri Sembilan telah ditubuhkan. Abdul Samad telah turut dilantik sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa.

Menurut Sheppard,²²³ Jawatankuasa ini ditubuhkan kerana semasa itu belum terdapat suatu pertubuhan atau persatuan di Negeri Sembilan yang berusaha untuk memajukan ekonomi orang Melayu. Sheppard mendapati politik Negeri Sembilan itu langsung tidak mengambil berat terhadap ekonomi rakyatnya. Dalam alasan untuk memajukan ekonomi orang melayulah maka Jawatankuasa itu ditubuhkan.

Di antara usaha yang dilakukan oleh Jawatankuasa itu ialah mengadakan satu Pusat Kecil atau sebagai "Government Quarters" sebagai latihan dan mengadakan

223. Temubual dengan Tan Sri Abdul Mubin Sheppard pada 4.12.1990.

bengkel untuk membantu memajukan ekonomi dan perniagaan orang Melayu. Pada mulanya usaha ini tidak mendapat sambutan dari masyarakat kampung, tetapi akhirnya masyarakat turut menyertai program tersebut.

Satu lagi Jawatankuasa itu ialah mengeluarkan sebuah akhbar bulanan yang dinamakan "Semangat Kemenangan" yang isi kandungannya ialah untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya ekonomi untuk memajukan diri dan negara. kebanyakan berita ialah tentang cara untuk memperluaskan kegiatan ekonomi. Abdul Samad adalah salah seorang anggota sidang pengarangnya.

Antara tahun 1953 hingga 1955 orang Melayu sudah mula memperjuangkan kemerdekaan. Menurut Abdul Samad Idris,²²⁴ rancangan itu hanyalah untuk mengaburi mata orang Melayu supaya mereka tidak menuntut kemerdekaan, dengan alasan orang Melayu masih terlalu lemah dalam ekonomi. Sebelum ekonomi dipulihkan orang Melayu tidak layak mencapai kemerdekaan. Jika orang Melayu masih lemah dari segi ekonomi, mereka tidak dapat memerintah negara dengan sempurna.

Pada tahun 1955, setelah menjadi Wakil Rakyat, Abdul Samad telah meletak jawatan dari Jawatankuasa itu. Tidak lama kemudian Jawatankuasa Ekonomi itu telah

224. Temubual dengan Tan Sri Abdul Samad idris pada 22.11.1990.

dibubarkan setelah berjalan selama dua tahun kerana semakin tidak dapat sambutan masyarakat yang telah sedar tentang konsep perjuangan pergerakan Melayu ketika itu.

Pada tahun 1950an juga Abdul Samad juga telah mengasaskan Penubuhan Persatuan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Negeri Sembilan dengan mendapat sokongan padu daripada peniaga-peniaga Melayu. Pada mulanya kegiatan persatuan ini berpusat di Kuala Pilah sahaja. Kemudiannya telah dipindahkan ke Seremban dan ditukar namanya kepada Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan dan beliau telah dipilih sebagai Pengerusinya yang pertama.²²⁵

4.1.2 Kegiatan Berbentuk Agama

Abdul Samad menjadi ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun 1957, yang pada masa itu masih menggunakan Undang-Undang Tadbir. Apabila beliau menyertai Majlis Agama, beliau telah mengubah Undang-Undang Tadbir kepada Undang-Undang Syarak.²²⁶

Pada tahun 1960, Abdul Samad Idris telah dilantik sebagai Pengurus Majlis Agama Islam sehingga tahun 1969 apabila beliau telah bertanding bagi kawasan parliman dalam pilihanraya 1969. Ketika menjadi Pengerusi Majlis

225. Lihat Abdul Samad Idris, "Peranan Tan Sri Mubin Sheppard sebagai Penasihat British", Di sebalik Jendela Utusan, Suara Keramat; Ulangtahun Utusan Melayu (M) Bhd. ke-50 Tahun (1939-1989), Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd., 1989, hal. 116.

226. Temubual dengan Datuk Mustafa, bekas Nazir Sekolah-sekolah Agama, pada 14.12.1990.

Agama, banyak perkara telah diubah yang bertujuan untuk membaikinya supaya menjadi lebih baik.

Sehingga tahun 1958 di Negeri Sembilan belum terdapat sekolah agama yang ditubuhkan. Yang ada hanyalah sekolah agama rakyat dengan bermacam-macam panggilan seperti "Sekolah Arab" atau "Sekolah Madrasah". Bentuknya juga berbagai. Pada tahun 1959 telah diwujudkan satu Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Agama dan Jawatankuasa ini merancang untuk menubuhkan Sekolah Menengah Agama. Abdul Samad telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Sekolah-Sekolah Agama tersebut.

Pada permulaannya semua sekolah rakyat atau sekolah pondok akan diambil alih oleh Majlis Agama Islam Negeri dan dijadikan Sekolah Menengah Agama Rendah.²²⁷ Bentuk dan cara pembelajaran juga telah ditukar kepada bentuk dan cara pendidikan sekolah.

Majlis Agama Islam juga telah mewujudkan sebuah Sekolah Menengah Agama Tinggi.²²⁸ Sekolah Menengah Agama

227. Pada masa itu, sekolah-sekolah agama yang ada di Negeri SEmbilan ialah Sekolah Rakyat atau Sekolah Pondok. Orang yang menjalankannya bukanlah datang dari mereka yang arif tentang pembelajaran ala-persekolahan,

228. Seperti Sekolah Menengah Aliran Melayu, Sekolah Menengah Agama Tinggi ini dapat melayakkan muridnya untuk menyambungkan pelajaran ke Pusat Pengajian Tinggi sama ada dalam negeri atau luar negeri. Bagi Sekolah Agama Tinggi ini, muridnya layak dan diterima untuk meneruskan pengajian di Universiti Al-Azhar, Kaherah. Pada awal 1950an, orang yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Kaherah amat dipandang mulia.

Tinggi ini mula dibuka pada bulan Mei, 1959. Pada mulanya sekolah ini menggunakan bangunan Istana Sri Menanti, di Kuala Pilah. Kemudiannya dipindahkan ke Bukit Merbah, apabila Majlis Agama meminta peruntukan dan bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelajaran. Ianya didaftarkan sebagai sekolah rakyat, kerana tidak mahu diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Sebahagian daripada kos pembinaan adalah datang dari rakyat seperti tanah dan tenaga kerja ketika membangunkan bangunan dan penjagaan keselamatan. Hanya bantuan seperti guru, bekalan buku-buku dan sebahagian daripada kewangan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran kepada Sekolah Agama Tinggi ini. Sekolah Agama ini diletakkan di Bawah Majlis Islam Negeri (Kerajaan Negeri Sembilan).

Jadi terdapat dua jenis Sekolah Menengah Agama di Negeri Sembilan hasil daripada usaha dan perancangan yang dilakukan oleh Abdul Samad iaitu:

- i. Sekolah Menengah Agama Rendah. Muridnya diambil daripada kanak-kanak yang menghabiskan pelajaran di peringkat Sekolah Rendah Melayu (dari darjah satu hingga darjah enam). Sekolah ini menjalankan pembelajaran di peringkat menengah rendah itu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Sekolah ini mengutamakan bahasa Arab.

- ii. Sekolah Menengah Agama Tinggi. Pembelajaran bermula dari tingkatan empat hingga tingkatan enam atas, iaitu pembelajaran untuk menengah tinggi. Muridnya diambil daripada mereka yang telah menghabiskan pengajian di peringkat menengah rendah.²²⁹

Sekolah Menengah Agama Tinggi hanya terdapat hanya sebuah sahaja iaitu hanya di Bukit Merbah, tidak seperti Sekolah Menengah Agama Rendah yang ditubuhkan di beberapa daerah di Negeri Sembilan. Ini kerana tidak semua murid dari Sekolah Menengah Rendah Lulus dan berjaya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Kini sekolah tersebut dikenali dengan nama Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Tuan Haji Mohd. Said. Dulunya terkenal dengan nama Sekolah Menengah Agama Tinggi Negeri Sembilan.²³⁰

Ketika menjadi Pengurus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan juga, Abdul Samad juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Majlis Pembangunan Surau. Pada masa itu di Negeri Sembilan banyak terbina surau-surau yang dikenali sebagai "Surau Singgit".²³¹ Penubuhan surau-surau ini

229. Temubual dengan Datuk Mustafa, bekas Nazir Sekolah-sekolah Agama Negeri Sembilan pada 14.12.1990.

230. Ibid.

231. Singkatan bagi Satu Ringgit mengikut loghat negeri Sembilan. Bermakna surau yang terlalu mudah didirikan dan mudah pula dirobohkan bila kurang mendapat pengaruh.

dibuat oleh orang yang balik menuntut ilmu di sekolah-sekolah pondok di luar Negeri Sembilan, seperti di Pattani, Kelantan, Trengganu, Aceh dan Mekah. Apabila mereka balik ke kampung, masing-masing telah membina surau-surau yang bertujuan untuk menjalankan pengajaran agama atau berdakwah kepada orang-orang kampung. Bila masing-masing telah membina surau, maka terlalu banyak surau-surau yang tedapat dalam suatu kampung tersebut. Dengan itu berlaku semacam perlumbaan, surau manakah yang mempunyai pengikut yang lebih ramai. Ini adalah suatu perkembangan yang kurang sihat. Kerana itu, Abdul Samad sebagai Pengerusi Majlis Agama telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Surau bagi mengawal pembinaan surau-surau dan mengawasi pembinaannya.²³²

Ketika menjadi Pengerusi Majlis Agama Islam, selain daripada menubuhkan Sekolah Menengah agama Tinggi dan Jawatankuasa mengawal pembinaan surau-surau, Abdul samad juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelidikan adat, untuk mengkaji tentang sejarah kedatangan Islam ke Negeri Sembilan adala berkait rapat dengan Minangkabau. Ini dibuktikan dengan bentuk batu nesan Syeikh Ahmad yang ditemui yang bertarikh pada 1467M adalah serupa dengan bentuk batu nesan yang terdapat di Pagar Ruyung, Minangkabau.²³³

232. Kenyataan Datuk Mustafa. Temubual pada 14.12.1990.

233. Berita Minggu, 22hb. Julai 1984.

Sebagai kesimpulannya, Abdul Samad adalah seorang tokoh dan pemimpin yang berkalibar. Beliau telah menjalankan setiap tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Dalam setiap bidang yang diceburi pasti akan menampakkan kesannya. Beliau adalah pengasas kepada penubuhan Sekolah Agama di Negeri Sembilan dan dianggap sebagai seorang 'juara' oleh rakyat Negeri Sembilan. Dengan ideanya yang bernas itu, sekolah agama di Negeri Sembilan telah berkembang maju sehingga ini. Selai itu, Pengajian tentang sejarah kedatangan Islam ke Negeri Sembilan adalah sejajar dengan minat beliau yang mendalam dalam bidang sejarah dan kebudayaan.

4.1.3. Penglibatan Dalam Pertubuhan Sosial

a. Persatuan Bekas-Bekas Pasukan Keselamatan Negeri Sembilan

Inisiatif penubuhan persatuan ini adalah sebagai satu tiindakbalas kepada penubuhan Persatuan Bekas-Bekas Pasukan Askar Melayu Negeri Sembilan yang ditubuhkan oleh Sheppard pada tahun 1951, bertempat di Sekolah King George V. Seremban.

Dalam Persatuan Bekas Askar Melayu ini keanggotaannya adalah terbatas dan telah ditetapkan kepada bekas Askar Melayu sahaja dan tidak memberi peluang kepada bekas-bekas Polis, Polis Khas dan perkhidmatan bersenjata yang lain. Kerana itu, Abdul Samad Idris melihat ianya sebagai satu permainan politik

yang licin, kerana kebanyakan mereka adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin UMNO (orang kuat UMNO).²³⁴

Jadi, dalam tahun yang sama, sebagai tindakbalasnya, Abdul Samad Idris selaku ketua Pemuda UMNO bahagian Kuala Pilah telah memanggil satu perjumpaan dengan bekas-bekas, Bekas Askar British dan Askar Melayu, bekas Polis, bekas Polis Khas di Kuala Pilah Yang bertempat di Kelab Tunku Muhammad, di Kuala Pilah. Kira-kira 200 orang telah hadir dalam perjumpaan itu termasuk mereka yang datang dari daerah lain. Dengan itu, tertubuhlah satu pertubuhan yang dipanggil "Persatuan Bekas-Bekas Pasukan Kesselamatan Negeri Sembilan".²³⁵

Oleh kerana skop keahliannya yang luas, maka persatuan ini mendapat sambutan hangat. Melalui persatuan ini, kerajaan telah didesak supaya memberikan tanah kepada Bekas-Bekas Pasukan Keselamatan, dengan alasan mereka bukan sahaja tidak menikmati pencen, malah tidak mempunyai pekerjaan tetap selepas menamatkan perkhidmatan.²³⁶

Pemerintah British tidak senang dengan penubuhan persatuan itu. Segala desakan yang dibuat oleh persatuan itu tidak dilayan oleh pihak pemerintah.

234. Abdul Samad Idris, Di sebalik Jendela Utusan, Suara Keramat; Ulangtahun Utusan Melayu (M) Bhd. Ke-50 Tahun, hal. 115.

235. Ibid.

236. Ibid.

b. Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (P.I.B.G.)

Ketika memegang portfolio Pelajaran dan Kebajikan, dalam Kerajaan Negeri, Abdul Samad Idris amat mengambil berat tentang perjuangan guru-guru.²³⁷ Seperti yang dimaklumkan, pada tahun-tahun 1950an, Parti UMNO didokong oleh golongan guru-guru Melayu. Perjuangan guru-guru ketika itu cukup hebat kerana mereka belum lagi terdedah atau terpengaruh dengan bentuk material.²³⁸

Abdul Samad Idris merupakan pelopor kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (P.I.B.G.) di Negeri Sembilan.²³⁹ Pada tahun 1950 beliau mencadangkan penubuhan P.I.B.G. untuk menjaga kebajikan guru-guru, murid-murid dan sekolah. P.I.B.G. ketika itu turut memperjuangkan bahasa Melayu supaya dijadikan bahasa rasmi untuk peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi. Pada masa itu, perjuangan guru-guru bukanlah kerana wang, tetapi adalah perjuangan yang bersungguh-sungguh untuk pelajaran dan persekolahan. Bagi Abdul Samad apa sahaja kegiatan guru yang dianggap berfaedah akan mendapat sokongan daripada beliau.²⁴⁰

237. Kerana beliau sendiri adalah bekas seorang guru.

238. Tidak wujud lagi konsep rasuah.

239. P.I.B.G. yang pertama itu dipengerusikan oleh Abdul Samad sendiri, Encik Alias b. Ali dilantik sebagai Setiausaha dan Cikgu Yusof b. Badin dilantik sebagai Naib Pengerusi. Diceritakan oleh Datuk Yusof Badin pada 14.12.1990.

240. Temubual dengan Datuk Yusof Badin, pada 14.12.1990.

Satu perjumpaan khas wakil-wakil ibu bapa Sekolah-sekolah Melayu Negeri Sembilan telah diadakan di dewan Sekolah King George V Seremban yang tujuan asalnya menentang penyata pelajaran Turaisingam yang menjadikan semua sekolah-sekolah dari sekolah rendah hingga ke Sekolah Menengah dan Tinggi bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantarnya, selepas perjumpaan inilah tertubuhnya P.I.B.G. itu.

Pada sekitar tahun 1946 hingga 1976, kegiatan yang dijalankan oleh Abdul Samad Idris di peringkat Negeri Sembilan adalah cukup memberangsangkan. Banyak usaha-usaha yang dilakukan yang merupakan perintis kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh pemimpin politik yang lain.

4.2 Kegiatan Sosio-Ekonomi Pada Tahun 1976 Sehingga 1980

Jangkamasa antara tahun 1976 sehingga 1980 ini ialah ketika Abdul Samad menjawat jawatan Menteri di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBSS). Meskipun beliau dianggap terlalu memberikan perhatian kepada bidang kebudayaan, namun tugas terhadap bidang Belia dan Sukan tidak pernah diabaikan. Banyak pembaharuan yang telah dihasilkan, yang telah meninggalkan kesan yang baik kepada KKBS.

4.2.1 Kegiatan Belia

Ketika Abdul Samad menerajui KKBS, terdapat tiga perkara atau peristiwa yang telah diusahakan oleh Abdul Samad (KKBS) yang telah menghasilkan kejayaan dan disebut-sebut sehingga kini iaitu:

- a. Penubuhan KOBENA (Koperasi Belia Nasional)
- b. Rancangan Belia Niaga
- c. Rancangan Belia Peladang

a. KOBENA (Koperasi Belia Nasional)

Semasa menerajui KKBS, Abdul Samad telah berjaya mewujudkan sebuah Koperasi Belia Nasional yang lebih dikenali sebagai KOBENA.²⁴¹ Menteri KKBS, Abdul Samad Idris mengumumkan penubuhannya pada 3hb. Oktober 1976 ketika merasikan Perhimpunan Agung Majlis Belia Selangor.²⁴² KOBENA telah didaftarkan pada 26hb. November 1976. Tujuan utama penubuhan KOBENA ialah untuk menjaga kepentingan belia dalam usaha pembangunan mereka dalam semua bidang ekonomi dan sosial. Penubuhan KOBENA

241. Zulkifli Hussein, "KOBENA: Cita-cita dan matlamatnya", Gelanggang, Keluaran 1. Kuala Lumpur: KBBS, 1977, hal. 5.

242. Atondra, "Bahagian I KOBENA", Utusan Zaman, 3hb. Oktober 1976.

sebagai koperasi²⁴³ Induk di peringkat nasional telah dipersetujui hasil dari beberapa perbincangan dan perundingan di antara Majlis Belia Malaysia (MBM) dan beberapa koperasi belia.

KOBENA yang akan ditubuhkan itu akan membawa belia kepada suatu bidang perniagaan yang besar yang tidak mampu dilakukan oleh persatuan-persatuan belia atau syarikat-syarikat belia yang kecil.

KOBENA ini bertujuan untuk mewujudkan satu organisasi perniagaan yang besar yang membolehkan ahli pertubuhan belia dapat melibatkan diri secara langsung dalam lapangan perniagaan dengan lebih positif lagi. Ia akan dapat memainkan peranannya sebagai sebuah organisasi perniagaan seperti PETRONAS dan PERNAS. KOBENA akan

243. Koperasi berbeza daripada organisasi perniagaan yang selalu diamalkan dalam sistem ekonomi terbuka. ianya lebih mementingkan khidmat kemasyarakatan daripada motif mendapatkan keuntungan, yang menjadi objektif utama organisasi perniagaan pemodal-pemodal persendirian. Namun tidak bermakna koperasi ini tidak akan membuat keuntungan. Keuntungan yang diperolehi oleh sesebuah koperasi adalah kepunyaan ahli-ahlinya yang lazimnya bekerja dengan koperasi itu. Lebih banyak keuntungan yang diperolehi, maka lebih tinggilah pendapatan ahli-ahlinya. Koperasi boleh disifatkan sebagai satu organisasi perniagaan rakyat. Lihat Encik Saad Marsuki, "Konsep, peranan dan strategi koperasi-koperasi yang bukan berasaskan pertanian dan perikanan dalam sistem usaha bebas", Seminar Peranan Gerakan Koperasi di dalam Sistem Usaha Bebas, Petaling Jaya, Selangor, 1979, hal. 2. Di antara prinsip koperasi ialah keahlian yang sukarela dan terbuka, pengurusan yang demokrasi, faedah yang terhad atas modal, pembahagian keuntungan yang saksama dan pengurusan yang cergas antara koperasi.

hanya memberikan perhatian kepada projek-projek yang tidak mampu dijalankan oleh ahli-ahli belia secara individu ataupun koperasi yang telah ditubuhkan oleh persatuan belia.

KOBENA ditubuhkan dengan tujuan untuk menjaga dan membangunkan taraf ahli-ahlinya yang terdiri dari kaum belia sepertimana koperasi atau badan-badan perniagaan yang lain dalam proses komplementari Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam mempraktikkan Dasar Ekonomi Baru. Antara tujuan dan aktiviti KOBENA ialah melibatkan tenaga dan modalnya ke dalam bidang perindustrian, perladangan, perdagangan eksport dan import, pembinaan, perkhidmatan dan pengangkutan, pertanian dan berbagai perniagaan lagi.²⁴⁴

KOBENA akan bekerjasama dengan ahli-ahlinya, dengan kerajaan dan jika perlu dengan mana-mana pihak tempatan dan luar negeri. Kepentingan ahli-ahli akan diutamakan dalam usaha perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Modal akan didapati melalui saham-saham yang dikeluarkan. Harga setiap saham ialah seringggit (\$1.00) dan belia-belia diharapkan membeli sekurang-kurangnya 100 unit saham seorang apabila menjadi ahli KOBENA.

244. Zulkifli Hussein, *Ibid*, hal. 5.

Pembayaran bagi saham-saham ini dibuat secara beransur-ansur.²⁴⁵

Penubuhan koperasi-koperasi belia tempatan di luar bandar akan dapat mewujudkan unit-unit ekonomi, berupa organisasi perniagaan untuk memberikan perkhidmatan kepada belia-belia yang mengelolakan sesuatu projek di luar bandar. Contohnya seperti untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan pemasaran hasil-hasil, membekalkan bahan-bahan dan keperluan pertanian seperti baja, besi dan lain-lain.

Koperasi ini pada keseluruhannya akan dapat memberikan pelbagai faedah kepada belia-belia seperti peluang untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan, peluang pekerjaan, mengatasi masalah kemudahan kaedah, pemasaran dan bekalan untuk projek-projek belia peladang di luar bandar dan sebagainya. Di samping itu dapat melahirkan satu golongan usahawan muda yang dinamik dalam dunia perniagaan di negara ini.²⁴⁶

245. Sekiranya ahli belia yang menyertai KOBENA seramai 350,000 orang, dan sekiranya 50% sahaja daripada jumlah ahli ini dapat menyertai koperasi dengannya membeli saham sebanyak \$6.00 dalam masa setahun seorang (iaitu 50 sen sebulan x 12 bulan x 350,000) bermakna dalam setahun dapat mengumpulkan sebanyak \$2,100,000. Koperasi ini akan bertanggungjawab mewujudkan satu kumpulan kewangan dan melaluinya akan merancang dan menubuhkan syarikat-syarikat untuk membolehkannya menjalankan pelbagai perniagaan. Lihat, Atondra, "Bahagian I KOBENA", Utusan Zaman, 3hb. Oktober, 1976.

246. Atondra, "KOBENA Bahagian II : Asas Lahirkan Usahawan Muda", Utusan Zaman, 3hb. Oktober, 1976.

Jadi, dalam usaha-usaha untuk menjayakan program ini, belia-belie yang dianggap sebagai tenaga penggerak perubahan perlu melibatkan diri sepenuhnya. Penglibatan belia-belie sama ada secara individu atau berorganisasi dan positif dalam projek ini akan dapat memberi nafas baru kepada perkembangan koperasi di tanah air. Peranan dinamik yang dimainkan oleh belia-belie dalam rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara seperti KOBENA telah membuktikan bahawa penglibatan mereka dalam rancangan tersebut dapat memberi kesan yang sangat efektif. KOBENA terus maju dan berkembang. Sehingga kini KOBENA masih lagi bergiat aktif dengan perniagaannya.

b. Rancangan Belia Niaga

Menurut Abdul Samad, adalah menjadi dasar KKBS untuk menggalakkan kaum belia menceburkan diri dalam bidang perniagaan sebagai sumbangan Kementerian untuk mencapai matlamat DEB dan juga untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia.

Untuk mencapai matlamat itu Abdul Samad sebagai Menteri KKBS telah mewujudkan suatu "Rancangan Belia Niaga". Kaum belia telah diberi kursus, kemudahan pinjaman wang dan bimbingan dalam perniagaan. Untuk melaksanakan rancangan itu juga KKBS telah berkerjasama dengan Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi menjalankan kursus untuk melahirkan

usahawan-usahawan di kalangan belia sendiri.²⁴⁷ Untuk mendapatkan kemudahan pinjaman pula, KKBS telah bekerjasama dengan Bank Rakyat.

Untuk tujuan ini, setiap tahun KKBS telah memberikan modal tidak lebih daripada \$20,000 kepada nanak-anak muda ini untuk mendapatkan tempat berniaga sama ada di tepi-tepi jalan ataupun di Kompleks Perniagaan besar.²⁴⁸

Belia-belia juga telah dihantar ke Pusat Latihan Belia di Dusun Tua dan Pertak. Dengan itu mereka dapat menjalankan usaha itu dengan baik. Rancangan ini telah mendapat sambutan yang baik dari para belia di seluruh negara. Sehingga kini usaha Rancangan Belia Niaga itu masih terus dijalankan.

c. Rancangan Belia Peladang

Rancangan Belia Peladang adalah satu projek yang dilancarkan sejak akhir tahun 1972 lagi. Namun ketika di bawah penerajuan Abdul Samad Idris, projek ini telah berjalan dengan lebih besar lagi.²⁴⁹ Dengan adanya

247. Dewan Rakyat, Perbahasan Parlimen ke-4, Jil. III, Penggal ke-3 Bahagian I, Mac-Julai, 1977, hal. 1141.

248. Harian Express, 26hb. Januari 1976.

249. Dewan Rakyat, Perbahasan Parlimen ke-4, Jil. II, Penggal ke-2 Bahagian II, Julai - November, 1976, hal. 2662.

rancangan seperti ini telah dapat melahirkan satu golongan belia yang boleh disifatkan sebagai 'usahawan baru dalam sektor pertanian'.²⁵⁰

Dalam rancangan ini telah ditetapkan untuk membawa lebih banyak lagi projek-projek Belia Peladang di tiap-tiap negeri di Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$12.7 juta.²⁵¹

Menurut Abdul Samad Idris, projek Belia Peladang ini adalah satu perkara penting untuk dilancarkan oleh belia-belia, kerana daripada rancangan ini telah dapat menghasilkan kira-kira 7,000 pekerjaan kepada belia-belia yang dahulunya menganggur. Ramai belia-belia di luar bandar telah mendapat pekerjaan sendiri dalam bidang pertanian jangka pendek, ternakan haiwan, perikanan air tawar dan juga dalam perusahaan yang berasaskan pertanian seperti memproses dan memasarkan hasil-hasil keluaran mereka.²⁵²

-
250. Rancangan Belia Peladang telah dilancarkan oleh KKBS sebagai satu usaha melibatkan belia dalam projek-projek pembangunan ekonomi, pertanian dan yang berkaitan dengan pertanian dengan objektifnya untuk meninggikan taraf ekonomi belia, mewujudkan pekerjaan sendiri, melahirkan usahawan-usahawan baru, memperbanyakkan keluaran bahan makanan dan memperbanyakkan pengeluaran bahan-bahan mentah untuk perusahaan 'Agro-based'. *Ibid.* hal. 3663.
251. Dewan Rakyat, Perbahasan Parlimen ke-4, Jil. III, Penggal ke-3, Bahagian I, Mac-Julai, 1977, hal. 1114.
252. Op.cit., Bahagian IIII, Julai-November, 1976. hal. 3816.

Rancangan ini telah dijalankan secara berpadu atau "inter-grated" dengan pihak-pihak seperti Kementerian Pertanian,²⁵³ Bank-bank untuk pinjaman dan juga Pusat Daya Pengeluaran Negara untuk mendapat kemahiran dan khidmat nasihat di samping agensi-agensi lain yang terlibat.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan rancangan-rancangan ekonomi di seluruh negara ini memerlukan perhatian yang khas dari KKBS terutama sekali dari segi menyelaraskan perkhidmatan, bimbingan yang diperlukan, latihan, pemberian bantuan kewangan, koordinasi di antara agensi-agensi kerajaan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan kemajuan rancangan ekonomi yang dijalankan itu.

Namun, selain daripada tiga perkara itu, terdapat juga perkara-perkara lain yang dianggap banyak memberikan menafaat kepada golongan belia seperti menggalakkan belia-belie menambahkan dan memperluaskan pengetahuan melalui rancangan-rancangan Lawatan Sambil Belajar, termasuk pertukaran belia ke Kanada, Jepun, Negara-negara ASEAN dan juga ke Malaysia Timur iaitu ke Sabah dan Sarawak. Dengan menyertai rancangan-rancangan seperti ini, para belia dapat mempelajari segala macam bentuk kehidupan masyarakat di tempat-tempat yang

253. Termasuk Jabatan Pertanian dan Jabatan Haiwan.

dilawati dan akan menjadi contoh kepada kehidupan di tempat mereka.²⁵⁴

Di dalam perbahasan Parlimen,²⁵⁵ KBBS khususnya menterinya Abdul Samad Idris sering dipuji oleh para perwakilan kerana usaha-usaha yang dilakukan untuk memajukan para belia di negara ini. Dengan adanya kegiatan pertubuhan belia di seluruh negara akan dapat memberi bimbingan yang berguna kepada masyarakat belia, yang dianggap sebagai tiang negara. Golongan belia adalah satu golongan yang kuat dan dinamis sertalayah menyuarakan fikiran dalam konteks menentukan masa depan negara. Kerana itu, perlu diberi perhatian yang baik dan bimbingan yang betul yang dapat melengkapkan ilmu pengetahuan.

4.2.2 Kegiatan Sukan

Ketika menjadi menteri KKBS, Abdul Samad Idris telah meminda Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 yang bertujuan mengadakan peruntukan tambahan yang sesuai supaya Majlis Sukan Negara boleh bergerak dan bertindak dengan lebih licin, teratur dan berkesan.²⁵⁶ Di antara tujuan-tujuan lain Akta ini ialah:

-
254. Utusan Malaysia, 7hb. Disember 12976. Lihat juga Dewan Rakyat, Perbahasan Parlimen ke-4, Jil. II, Penggal ke-2, Bahagian II, Jualai - November, hal. 3336.
255. Ibid, hal. 5742
256. Dewan Rakyat, Malaysia: Penyata Rasmi Parlimen, Parlimen ke-5 Penggal 1, Jil, Bil. 51-60, Mei-Jun, 1979, hal. 6367.

- i) Untuk memperluaskan penglibatan badan-badan dan negeri-negeri dalam perancangan dan perlaksanaan aktiviti-aktiviti sukan.
- ii) Untuk membesarkan keanggotaan Majlis Sukan Negara Malaysia termasuk wakil-wakil dari Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.
- iii) Memberi kuasa kepada Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sebagai Pengerusi Majlis, membuat pengubahsuaian yang difikirkan perlu kepada peruntukan-peruntukan Akta yang dipakai.

Pada masa itu, perkembangan dan kemajuan mutu sukan agak perlahan jika dibandingkan dengan kemajuan dan perkembangan sukan negara-negara lain. Namun permainan yang dipertandingkan masih mendapat kemenangan yang membanggakan negara.²⁵⁷

Di bidang sukan, Abdul Samad Idris telah mewujudkan satu Tabung dalam Majlis Sukan Negara.

257. Contohnya: dalam permainan bola sepak, kedudukan Malaysia sebagai pasukan bolasepak yang terkuat di Asia Timur terus kekal sehingga kini (1977). Dalam permainan hoki pula, Malaysia sudah dua kali berjaya mengalahkan pasukan India yang dianggap paling kuat dalam tahun 1976 dan 1977. Malaysia telah berjaya menduduki tempat kedua di Asia di belakang Pakistan. kenyataan Abdul Samad Idris dalam Penyata Rasmi Parlimen, Ibid.

Tabung itu dinamakan Kumpulan Wang Sukan Negara. melalui tabung ini banyak kerja-kerja yang dapat dibuat untuk memaju dan memperkembangkan sukan negara. Adalah menjadi matlamat Majlis Sukan Negara (MSN)²⁵⁸ untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli sukan negara.²⁵⁹

Abdul Samad Idris pernah menyarankan agar Kementerian Pelajaran membuka sebuah sekolah berasrama penuh bagi menempatkan para pelajar yang hebat dalam lapangan sukan dalam usaha melahirkan jaguh-jaguh sukan negara, seperti mana yang telah dilakukan di negara Indonesia. Minat dalam sukan hendaklah dipupuk dari bangku sekolah supaya bakat dan kesungguhan mereka akan dapat terus diperkembangkan dan dipertingkatkan. Dengan adanya sekolah seperti itu, negara tidak akan mengalami kekurangan jaguh-jaguh sukan negara.²⁶⁰

Dalam bidang suka badminton yang dikatakan agak merosot jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, usaha-usaha untuk melatih pemain-pemain muda secara positif telah diatur dan dijalankan, termasuk mengadakan langkah untuk menolong pemain muda yang berkaliber.

258. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara adalah satu dan tidak boleh dipisahkan. Ini kerana MSN dipengerusikan oleh Menteri KKBS. Dari segi dasar, perkembangan dan kemajuan sukan ini adalah tanggungjawab MSN.

259. Utusan Malaysia, 1hb. November 1979, hal. 20.

260. Utusan Malaysia, 24hb. Disember 1979, hal. 14.

Walaupun sering dikatakan Abdul Samad Idris kurang mengambil berat terhadap bidang Belia dan Sukan, kerana terlalu banyak memberikan perhatian terhadap bidang kebudayaan. Namun beliau berkemampuan juga untuk memikirkan rancangan untuk kedua-dua bidang ini. Idea-idea dalam rancangan yang dijalankan cukup bermakna dan berjaya memberi kesan yang baik kepada KLBS.

Dalam bidang Belia, Projek Koperasi Belia Nasional (KOBENA) adalah satu projek besar yang amat baik dan telah memperolehi kejayaan yang besar. Begitu juga dengan projek Rancangan Belia Niaga dan Rancangan Belia Peladang dan juga rancangan-rancangan lain yang dilaksanakan. Kesemuanya menampakkan dan membuahkan kejayaan.

Dalam bidang sukan pula, Abdul Samad Idris yang juga sebagai Pengerusi Majlis Sukan negara telah melakukan berbagai usaha untuk memperkembangkan mutu sukan. Ideanya yang paling baik ialah apabila beliau menubuhkan satu tabung kewangan untuk Majlis Sukan Negara (MSN), yang dinamakan Kumpulan Wang Sukan Negara. Melalui tabung ini, diharapkan dermawan tampil untuk menyumbang bagi tujuan untuk meningkatkan mutu sukan negara. Walaupun mutu sukan 'period' itu mengalami perkembangan yang perlahan, jika dibandingkan dengan negara jiran, namun dalam beberapa jenis permainan yang tertentu, Malaysia masih mampu untuk menyaingi negara lain.

Seperkara lagi idea Abdul Samad Idris yang agak berkesan ialah saranannya agar kerajaan sendiri melahirkan "Anugerah Sukan Negara" bagi ahli-ahli sukan tanah air yang terkemuka, sebelumnya hadiah-hadiah ini dianjurkan oleh Syarikat Rothman. Pada tahun 1977 kali pertama anugerah kepada ahli-ahli sukan negara disampaikan oleh Yang Di Pertuan Agong, acara ini diadakan di Stadium Negara dengan sambutan yang meriah, Abdul Samad Idris jugalah yang mula memperkenalkan "Tokoh Sukan Negara' YTM Tunku Abdul Rahman adalah orang yang pertama menerima anugerah ini pada tahun 1978.

4.2.3 Kegiatan Pertubuhan Sosial

Sebagai seorang menteri, beliau telah diminta oleh beberapa buah persatuan atau pertubuhan supaya menjadi penangung atau penasihat (mungkin kerana pengalaman yang luas dan berpesatuan) kepada persatuan mereka. Di antara persatuan atau pertubuhan itu ialah seperti Yayasan Belia Malaysia, Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam Malaysia, Persatuan Pekilang-Pekilang Bumiputera Malaysia dan beberapa buah pertubuhan yang lain.

Abdul Samad adalah seorang aktivis yang serba boleh, sama ada di bidang politik, kebudayaan, ekonomi dan sosial.

4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa selain daripada kegiatan politik dan kebudayaan, Abdul Samad juga bergiat aktif dalam bidang sosio-ekonomi yang lain yang berbentuk ekonomi, keagamaan, pertubuhan sosial dan kegiatan Belia dan Sukan ketika menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Ketika berada di Negeri Sembilan, banyak rancangan-rancangan yang telah diusahakan. Ternyata Abdul Samad Idris adalah seorang pemikir yang kreatif atau 'idealist'. Setiap rancangan yang dilaksanakan pasti akan membuahkan suatu kejayaan yang membanggakan. Buktinya, penubuhan Sekolah Menengah Agama Rendah dan Tinggi di Negeri Sembilan. Beliau ialah pengasas atau pelopor kepada penubuhan Sekolah Agama di Negeri Sembilan. Beliau juga adalah pengasas kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (P.I.B.G.) di Negeri Sembilan dan telah dilantik sebagai pengerusi P.I.B.G. yang pertama.

Di bidang perniagaan pula, beliau adalah pengasas kepada Dewan Perniagaan Melayu Negeri SEmbilan. Idea ini mungkin timbul kerana beliau pernah terlibat di dalam bidang perniagaan. Seperti yang telah dibincangkan di dalam bab yang terdahulu, beliau telah terlibat dalam sebuah syarikat perniagaan pengangkutan di Kuala Pilah:

Walaupun beliau tidak mendapat pendidikan yang cukup tinggi, namun segala idea dan pemikiran beliau adalah setanding ataupun mungkin lebih tinggi daripada mereka yang mendapat pendidikan yang tinggi. Ketokohan beliau dalam bidang kemasyarakatan juga sukar ditandingi. Beliau telah bergaul dengan semua lapisan masyarakat di Negeri Sembilan.

Ketika menerajui KBBS, banyak projek-projek baru yang dirancang untuk kemajuan Belia dan Sukan. KOBENA adalah satu rancangan belia yang paling berjaya terutama dalam usaha menaikkan taraf ekonomi belia khasnya dan ekonomi Malaysia amnya. Sehingga kini KOBENA masih beroperasi dan memberi manfaat kepada ahlinya. Rancangan Belia Niaga dan Belia Peladang juga telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada belia-belia yang menganggur. Rancangan yang diusahakan mendapat sambutan hangat dari semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan.

Mutu sukan pula diperkembangkan dengan mengadakan beberapa rancangan latihan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli sukan.

PENUTUP

Tan Sri Abdul Samad Idris adalah seorang tokoh politik dan kebudayaan negara yang masih aktif sehingga kini. Ketokohan beliau mula kelihatan sejak zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Sikap yang anti penjajahan telah mendorong beliau untuk terus meneruskan menentang penjajahan Inggeris terhadap orang Melayu terutama penjajahan terhadap pemikiran orang Melayu. Pada awal tahun 1950an, Abdul samad telah bergiat aktif dalam arena persuratkhabaran, dengan itu, idea-idea politik telah disalurkan melalui penulisannya dan menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap pemerintahan Kerajaan Inggeris.

Abdul Samad Idris adalah seorang tokoh yang berjaya dalam karier politiknya. Bermula daripada pilihanraya yang pertama (1955) sehinggalah kepada pilihanraya ketiga (1964), bagi Dewan Undangan Negeri (DUN), beliau telah memenangi dengan mudah walaupun mendapat tentangan terutama daripada pihak istana. Pada tahun 1969, beliau telah bertanding di peringkat Parlimen sebanyak tiga kali berturut-turut sehinggalah pada tahun 1978. Pengaruh Abdul Samad di kawasan Kuala Pilah sangat mantap. Beliau disegani dan disanjung tinggi oleh masyarakat. Begitu juga di Negeri Sembilan secara keseluruhannya.

Abdul Samad telah terlibat secara langsung dalam krisis dan pergolakan politik di Negeri Sembilan iaitu dalam usaha untuk mendapat jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan. Dalam pemilihan tahun 1959, Abdul samad Idris adalah tokoh yang memainkan peranan penting dan menjadi saingan hebat kepada Dr. Mohd. Said Muhammad. Walaupun pada akhirnya tentangan hebat yang diterima oleh Dr. Mohd. Said adalah dari Mohd. Idris Mat Sil, namun nama Abdul Samad mula meningkat selepas pilihanraya 1959 dan ini terus memuncak pada pilihanraya 1964 apabila beliau telah dicalonkan dan dilantik sebagai Timbalan Kepada Menteri Besar Negeri Sembilan.

Pada tahun 1969 sekali lagi nama Abdul Samad Idris diketengahkan oleh UMNO Negeri Sembilan untuk menjawat jawatan Menteri Besar. Namun pergolakan terus berlaku dan Abdul Samad gagal untuk kali ketiganya dalam merebut jawatan tersebut. Kali ini Encik Mansor bin Othman yang dicalonkan oleh UMNO Pusat bagi Menteri Besar Negeri Sembilan bagi menggantikan Dr. Mohd. Said.

Untuk menggalakkan daripada berlaku kekecohan yang berterusan di Negeri Sembilan Abdul Samad telah dicadang oleh pemimpin UMNO Pusat untuk bertanding di peringkat parlimen dan akhirnya beliau telah dilantik sebagai salah seorang Menteri Muda atau Timbalan Menteri dalam kabinet Negara.

Setelah memenangi pilihanraya 1969 di peringkat parlimen, beliau telah dilantik sebagai Menteri Muda dalam kabinet Kerajaan Pusat. Di antara kementerian yang telah dipegangnya ialah Kementerian Pembangunan Negera di Luar Bandar (1970), Kementerian Pertanian dan Perikanan (1971) Kementerian Buruh dan Tenaga rakyat (1973) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (April 1973) dan Menteri Tak Berfotlio (Januari 1976). Pada bulan Julai 1976 beliau telah ditukarkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1980 apabila beliau telah mengambil keputusan untuk bersara daripada kegiatan politik. Selepas tahun 1980 beliau hanya berminat untuk menjadi sebagai pemerhati sahaja dengan alasan usia yang telah meningkat dan semakin ramai pemuda yang boleh diharapkan untuk menjadi pemimpin politik negara yang berkaliber.

Selain daripada berkhidmat dengan Kerajaan Pusat, beliau terus aktif dan mendapat tempat dalam politik di peringkat Bahagian dan juga Negeri di Negeri sembilan. Beliau juga mendapat tempat dalam UMNO Pusat.

Didalam bidang kebudayaan pula, Abdul Samad Idris telah menceburkan diri dalam berbagai bidang yang berkaitan bermula pada akhir tahun 1940an dan akhir tahun 1950an sehingga beliau menjawat jawatan Menteri diKKBS. Kerana usaha beliau yang mendalam dan tidak pernah mengenal jemu dalam bidang kebudayaan tersebut, maka, pada tahun 1980 sempena Hari Sastera anjuran GAPENA,

beliau telah diistiharkan dan dianugerahkan gelaran "Tokoh Budaya" oleh GAPENA.

Abdul Samad telah menceburi bidang kebudayaan seiring dengan bidang politik. Di antara bidang yang diceburinya termasuklah persuratkhabaran dan kewartawanan, Badan-badan Persuratan, Badan Pertubuhan Persatuan, kesenian, sejarah dan kebudayaan, adat, penulisan dan sebagainya. Kesemuanya telah memberi hasil yang amat baik kepada dirinnya dan juga masyarakat, negeri dan negara secara keseluruhannya.

Ketika menjadi Menteri KKBS, beliau amat berhati-hati terhadap konsep Kebudayaan Kebangsaan dan telah cuba dipraktikkan oleh KKBS. Selain itu, Abdul Samat amat terkenal dengan sikap 'ala Minangkabau'. Ini mungkin kerana pengaruh sejarah dan kebudayaan yang amat diminatinya dan ditambah lagi dengan asal keturunan beliau iaitu rakyat Negeri Sembilan yang berasal dari Minangkabau dan amat berpegang kuat kepada adat pepatih.

Tan Sri Abdul Samad Idris juga bergiat cergas dalam aspek sosio-ekonomi. Dalam aspek ini, penulis telah membahagikannya kepada dua bahagian. Bahagian pertama tentang kegiatan sosio-ekonomi Abdul Samad sekitar tahun 1946 hingga 1980 yang merangkumi kegiatan berbentuk ekonomi, agama dan penglibatan beliau dalam pertubuhan sosial. Bahagian kedua pula ialah kegiatan sosio-ekonomi beliau antara tahun 1976 sehingga 1980, iaitu ketika beliau memegang jawatan sebagai Menteri di

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang mencakupi belia dan sukan.

Dalam bidang sosio-ekonomi ini, banyak usaha yang telah dijalankan terutamanya ketika menjadi seorang ahli Exco Kerajaan Negeri sembilan. Abdul Samad Idris ialah seorang pemikir yang 'kreatif' dan 'idealist'. Beliau telah muncul sebagai seorang Pelopor atau pengasas kepada Sekolah Menengah Agama di negeri Sembilan dan juga pengasas kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (P.I.B.G) di Negeri Sembilan dan telah dilantik sebagai Pegurusi yang pertama. Selain itu, Abdul Samad adalah pengasas kepada Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan.

Walaupun beliau bukan seorang ahli politik dan tokoh budaya yang berkelulusan tinggi dan tidak juga memegang apa-apa sijil, diploma atau ijazah dari mana-mana pusat pengajian tinggi, namau beliau telah berjaya dalam semua karier yang diceburinya yang merangkumi politik, kebudayaan dan sosio-ekonomi.

Penulis telah meninjau pendapat daripada beberapa orang tokoh (responden) yang mewakili berbagai bidang yang pernah diceburi oleh tokoh yang dikaji. Penulis telah memilih tiga orang responden yang mewakili tiga bidang iaitu politik, ahli budaya dan juga seorang wartawan yang terkenal. mereka ini telah mengenali tokoh yang dikaji sewaktu sama-sama bertugas.

Penulis telah memilih Datuk Hj. Yusof Badin²⁶¹ sebagai mewakili bidang politik. Menurut Datuk Hj. Yusuf Badin, Abdul Samad adalah seorang tokoh politik yang terkenal di Negeri Sembilan setanding dengan nama Menteri Besar Negeri Sembilan, meskipun beliau tidak pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Besar. Peranan yang dimainkan dalam politik negeri menyebabkan beliau amat disanjung dan di segani oleh ahli-ahli politik Negeri Sembilan. Lagipun adalah seorang menteri kabinet bagi Kerajaan Pusat.

Bermula daripada jawatan yang rendah dalam politik UMNO iaitu daripada ahli biasa, kemudian bertanding dan menang dalam pilihanraya 1955 lantas menjadi Wakil Rakyat, beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Pilah. Beliau juga pernah menjadi Timbalan Ketua UMNO Negeri Sembilan. Kemudian dilantik sebagai Menteri Muda dalam Kerajaan Pusat selepas memenangi pilihanraya peringkat parlimen pada 1969 dan akhirnya beliau telah dilantik sebagai menteri penuh bagi KKBS pada tahun 1976. Kejayaan yang diterima oleh Abdul Samad menyebabkan terdapat juga segolongan ahli-ahli

261. Temubual pada 5hb. Januari 1991. Datuk Hj. Yusof Badin adalah salah seorang aktivis di Negeri Sembilan. beliau juga merupakan bekas guru kepada Tan Sri Abdul Samad Idris di zaman pendudukan Jepun dan beliau juga pernah bersama dengan Abdul Samad Idris ketika dalam P.I.B.G. dan menjawat jawatan Naib Yang DiPertua. Kini beliau menjawat jawatan Setiausaha Kerja UMNO Negeri Sembilan yang bertempat di Seremban, Negeri Sembilan.

politik di Negeri Sembilan yang merasa iri hati terhadap beliau.

Pada Pendapat Datuk Hj. Yusuf Badin, kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada usaha yang dijalankan secara bersungguh-sungguh oleh beliau disamping sikap terbuka yang diamalkan oleh Abdul Samad seperti suka mendengar pandangan dan buah fikiran daripada orang lain, bersifat tegas dan senang mendengar pengaduan daripada kawan-kawan dan masyarakat menyebabkan pengaruhnya dapat tersebar dan meluas dengan mudah.

Responden yang seterusnya ialah seorang wartawan yang terkenal iaitu Tuan Hj. Abdul Samad Ismail.²⁶² Menurut tuan Hj. Abdul Samad Ismail, Abdul Samad Idris merupakan angkatan yang agak lama di Utusan Melayu, dan merupakan salah seorang pemberita Melayu atau 'collect press'. Ketika itu tidak begitu ramai wartawan di Utusan Melayu. Beliau bersama beberapa orang lagi wartawan seperti Zainuddin Kawi, Azahari Taib dan Aziz Ishak yang turut mencorakkan Utusan Melayu sebagai sebuah akhbar yang bercorak kebangsaan dan anti kolonial, iaitu mengarahkan perjuangan orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan Tanahair. Ketika itu, wartawan yang bersifat

262. Temubual pada 12hb. Disember 1990. Abdul Samad Ismail adalah bekas wartawan Utusan Melayu. Beliau pernah bekerja bersama dengan tokoh yang dikaji ketika di Utusan Melayu. Beliau telah bersara sebagai ketua Pengarah akhbar The New Straits Times pada tahun 1989.

demikian (nasionalisme) sentiasa ditekan oleh pegawai British. Di peringkat awal Abdul Samad dalam politik, oleh kerana adanya pendedahan sebagai wartawanlah, menyebabkan nama beliau lebih dikenali berbanding dengan ahli-ahli politik yang lain di Negeri Sembilan.

Sehingga kini 'gaya' lama penulisannya tetap ada (mungkin gaya penulisan yang tersendiri) iaitu, setiap penulisannya akan diselitkan dengan kata-kata perbilangan adat pepatih atau pun kata-kata pepatah petiti.

Bagi mewakili bidang kebudayaan, penulis telah meminta pandangan daripada Encik Aziz Deraman iaitu seorang ahli kebudayaan yang agak lama berkhidmat di KKBS.²⁶³ Menurut Encik Aziz Deraman, Abdul Samad Idris di beri tanggungjawab untuk menerajui KKBS selepas lima tahun pertama Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1971. Ini bermakna, ketika beliau datang, KKBS telah pun mempunyai asas-asas pembentukan kebudayaan, tetapi masih belum ada suatu dasar yang kukuh dan tetap. Kedatangan beliau adalah untuk menggerakkan dan melaksanakan agar dasar tersebut menjadi lebih kukuh dan tetap lagi. Sepanjang penerajuannya banyak badan-badan persatuan yang ditubuhkan kerana badan-badan ini penting

263. Temubual dijalankan pada 5hb. Januari 1991, Encik Aziz deraman telah bertugas di KKBS bermula tahun 1971 sehinggalah tahun 1989, sebagai Pengarah Kebudayaan.

untuk menggerakkan Kebudayaan Kebangsaan. Senario ini (iaitu antara tahun 1970an) ini cukup baik. Kemudian ianya telah disambungkan oleh menteri-menteri yang lain.

Pada pendapat penulis, Tan Sri Abdul Samad Idris adalah seorang ahli politik, ahli budaya dan juga ahli perniagaan (ekonomi) yang berjaya. Kalau dilihat daripada kerjayanya diperingkat awal (1940an) hinggalah kini (1980an), kesemua bidang dan aspek-aspek tersebut diceburinya secara bersungguh-sungguh.

Dalam arena politiknya, penulis merasakan peranannya cukup besar di dalam politik Negeri Sembilan. Beliau merupakan tokoh penting dalam krisis politik UMNO Negeri Sembilan (1959-1969). Beliau adalah tokoh yang berjaya meskipun gagal untuk merebut jawatan Menteri Besar dan hanya berjaya dilantik sebagai Timbalan Kepada Menteri Besar sahaja. Namanya terkenal dan perlu diingat jawatan Timbalan Kepada Menteri Besar diwujudkan khusus untuknya, kerana sepatutnya beliaulah yang menjadi Menteri Besar. Nama Dr. Said telah digugurkan dari senarai calon tetapi kerana permainan politik beberapa orang UMNO Seremban yang diketuai oleh Hj. Redza, nama Dr. Said telah dicalonkan semula. Jawatan Timbalan Menteri Besar tersebut telah dimansuhkan. Ini menunjukkan suatu kejayaan besar bagi pengaruh dalam politik Negeri Sembilan.

Kejayaan politik Abdul Samad adalah selaras dan seiringan dalam kejayaan dalam bidang kebudayaan dan ekonomi. Banyak kesan yang telah ditinggalkan kepada Negeri Sembilan yang kekal hingga kini. Beliau adalah polopori dan pengasas kepada beberapa pertubuhan seperti Asas Negeri, Sekolah Menengah Agama, Persatuan Ibu Bapa Dan Guru-guru dan juga Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan.

Kini terdapat sebuah Sekolah Menengah yang didirikan di Kg. Tanjung Ipoh, Kuala Pilah yang telah menggunakan nama beliau. Ini menunjukkan bahawa jasa dan bakti beliau tidak pernah dilupakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Penulis berpendapat, sepatutnya Sekolah Menengah Agama yang didirikan di Kg. Merbah itu dinamakan dengan nama Abdul Samad kerana beliau adalah yang menpolopori pembenaan sekolah tersebut.

Suatu hal yang sukar diperolehi dan dinikmati oleh ahli politik yang sezaman dengan beliau ialah pengalaman dalam politik dan pentadbiran dalam empat era pemerintahan empat orang Perdana Menteri yang bermula sejak pra merdeka sehingga kini. Sebagai seorang ahli politik tentu beliau dapat menilai sejauhmana kejayaan dan keberkesanan yang telah dicapai oleh keempat-empat orang tokoh negara (Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Husien Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad).

Sehingga kini, walaupun telah lama bersara dari arena politik, kebudayaan dan ekonomi secara langsung, namun beliau masih lagi menjalankan aktiviti tersebut secara sambilan. Kerana jasa beliau yang besar dalam bidang kebudayaan, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi FINAS (Filem Nasional) pada bulan Jun, 1981. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia kerana mengenangkan bakti beliau dalam bidang ekonomi.

Beliau masih lagi meneruskan bidang penulisan dan penyelidikan dalam bidang sejarah dan kebudayaan. Selepas bersara daripada tugas-tugas politik sepenuh masa (1980) banyak karya-karya yang telah beliau hasilkan samada dalam bentuk buku-buku, artikel dan penulisan didalam akhbar-akhbar harian sebagai penulis jemputan.

Sebagai akhirnya dapat penulis katakan bahawa Tan Sri Abdul Samad Idris adalah seorang tokoh yang berkaliber dan serba boleh dalam semua bidang yang diceburi. Kejayaan selalu beliau perolehi kerana usaha dan kerja yang dijalankan secara bersungguh-sungguh.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

Sumber Awalan

- Dewan Rakyat. Perbahasan Parlimen Ke-3, Jil. I, Penggal 1, Bahagian III, Januari - Februari 1972.
- _____. Perbahasan Parlimen Ke-4, Jil. I, Penggal 1, Bahagian III, Mac - November 1975.
- _____. Perbahasan Parlimen Ke-4, Jil. I, Penggal 2, Bahagian II, Julai - November 1976.
- _____. Perbahasan Parlimen Ke-4, Jil. III, Penggal 3, Bahagian I, Mac - Julai, 1977.
- _____. Perbahasan Parlimen, 27hb Mac, 1979.
- _____. Malaysia: Penyata Rasmi Parlimen ke-5, Jil. I, Penggal 1, Bil. 51-60, Mei - Jun 1979.
- Fail FINAS, (R) A.001/06, Perlantikan Jawatan Pengerusi FINAS
- Federation Of Malaya. Report of the Parliamentary and State Election 1959, Kuala Lumpur: Government Press, 1960.
- Pejabat UMNO Malaysia. Penyata Tahunan UMNO 1953-1955, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1954-1955, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1955-1956, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1958, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1959-1960, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1961, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1964, Kuala Lumpur.
- _____. Penyata Tahunan UMNO 1968-1970, Kuala Lumpur.

_____. Penyata Tahunan UMNO 1971-1972,
Kuala Lumpur.

Pejabat UMNO Malaysia, UMNO 10 Tahun (1946-1956), Kuala
Lumpur.

_____, UMNO 20 Tahun, Kuala Lumpur.

Akhbar

Utusan Melayu. (1955 - 1969)

Utusan Malaysia. (1969 - 1980)

Sumber Lisan

Keterangan Abdul Samad Idris, Transkripsi Sejarah Lisan,
Projek Dr. Said, Jabatan
Sejarah, Bangi: Universiti
Kebangsaan Malaysia, 1983.

Penulis juga telah
menemubual tokoh ini
sendiri sebagai sumber
utama kepada kajian ini,
yang dijalankan pada 19 dan
22hb. September 1990 dan
21hb. November 1990.

Keterangan Ariffin bin Ali, Transkripsi Sejarah Lisan,
Projek Dr. Said, Jabatan
Sejarah, bangi: Universiti
Kebangsaan Malaysia, 1983.

Penulis juga telah menemui
dan menemubual tokoh ini
iaitu seorang ahli politik
yang sama-sama berjuang
dengan tokoh yang dikaji
dan pernah menjawat jawatan
Speaker Dewan Rakyat Negeri
Sembilan. Temubual
dijalankan pada 21 dan
28hb. Disember 1990.

Keterangan Asiah bt Hussin, Temubual telah dijalankan pada 5hb. Oktober 1990. Beliau ini merupakan isteri kepada tokoh yang dikaji.

Sumber Pendua

Buku-buku

- Abdul Samad Idris, 25 Tahun Merdeka: Kenangan Abadi Kepada Bangsa, Agama dan Tanahair, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Budiman, 1982.
- _____, Abdul Samad idris Dengan 300 Perpatah, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1989.
- _____, Negeri Sembilan dan Sejarah, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu (M) Bhd., 1989.
- _____, Payung Berkembang, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1990.
- _____, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, diterbitkan oleh Abdul Samad Idris, Seremban, 1961.
- Abdullah Hussein, Memoranda, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1962.
- Abu Zahari Abu Bakar, Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1980.
- Anwar Abdullah, Dato' Onn, Petaling Jaya: Penerbitan Pustaka Nusantara, 1971.
- Atondra, Majlis Kebudayaan Bermula Dari Menteri, Selangor Darul Ehsan: Majlis Kebudayaan Negeri, 1988.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dasar, Matlamat Dan Strategi Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur: Bahagian Kebudayaan KKBS, 1983.
- _____, Lagu-lagu Patriotik Malaysia, KKBS dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia, tanpa tahun.
- _____, Siri Lagu-Lagu Rakyat I, KKBS dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia, tanpa tahun.

Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, Pendidikan Di Malaysia, Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1988.

Mokhtar bin Md. Dom, Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Kuala Lumpur: Federal Publication, 1977.

Nordin Selat, Sistem Sosial Afat Perpatih, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd., 1976.

Ramlah Adam, UMNO, Organisasi dan Kegiatan Politik 1946-1951, Kota Bharu, Kelantan, 1978.

Shahrom Hussin, Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar, Petaling Jaya : Penerbitan Fajar bakti Sdn. Bhd., 1985.

Smith, T.E. Report On The First Election Of Members To The Legislative Council Of The Federation Of malaya, Kuala Lumpur ; Government Press, 1960.

Zakiah Hanom, Tercabarnya Maruah bangsa : Satu Himpunan Pemikiran Wartawan-wartawan Akhbar Majlis 1945-1948, Kuala Lumpur: Penerbitan Lajmeidakh Sdn. Bhd., 1987.

Akhbar Dan Majalah

Bacaria. (18hb. Februari 1985)

Berita Harian. (16, 17, 18, 19hb. Jun 1959, 24hb. November 1964, 20 dan 23hb. April 1980).

Berita Minggu. (20 dan 27hb. April 1980, 22hb. Julai 1984).

Dewan Budaya. (Jun, 1980)

Dewan Masyarakat. (Jilid VII, Bil, 7, Julai 1969, Jilid VII, Bil. 9, September 1969, Jilid VII, Bil, 10, Oktober, 1979).

Gelanggang. (Keluaran 1, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Julai, 1977).

Berita Express. (26hb. Januari, 1976).

Mastika. (Tahun ke-46, Bil 12, Disember, 1984).

Mingguan Malaysia. (14hb. Jun 1979 dan 23hb. April, 1980).

Mingguan Wanita (22hb. April 1980).

The Star. (23hb. April, 1980).

Utusan Malaysia. (11hb. Februari, 1970, 7hb. Disember, 1976, 10 dan 21hb. Oktober, 1979, 1hb. November, 1979 7 dan 4hb. Disember, 1979, 18hb. April, 1980).

Utusan Melayu. (23hb. April, 1980).

Artikel-Artikel

Abdul Samad Idris, "Demokrasi Bermula Dari Tanah Minang", Dewan Masyarakat, Jun 1974.

_____, "Peranan Tan Sri Mubin Sheppard Sebagai Penasihat British", Di sebalik Jendela Utusan, Suara Keramat; Ulangtahun Utusan Melayu (M) Bhd. ke-50 Tahun (1939-1989). Kuala Lumpur: utusan Melayu (M) Bhd., 1989.

_____, "Suku dan Hal Ehwal Adat Istiadat", Dewan Masyarakat, Hil. VIII, Bil. 9, September, 1970.

Atondra, "Bahagian I KOBENA", Utusan Zaman, 3hb. Oktober, 1976.

_____, "KOBENA Bahagian II: Asas Lahirkan Usahawan Muda", Utusan Zaman, 3hb. Oktober, 1976.

Aziz Deraman, "Yayasan Belia Perlu Ditubuhkan Segera", Mastika, Tahun ke-43, Bil, 9, 1983.

Halim Mahmud, "Berjuang Dalam Tiga Bidang", Mingguan Wanita, 29hb. Mac, 1985.

Zulkifli Hussein, "KOBENA: Cita-cita dan Matlamatnya", Gelanggang, Keluaran 1, Kuala Lumpur: 1977.

Kertas Kerja-Kertas Kerja

Abdul Samad Idris, "Kemurnian Dalam Adat Perpatih", Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 1974.

- _____, "Unsur-Unsur Budaya Tradisional Dengan Keperibadian Kebangsaan Malaysia: Tumpuan Ke Arah Mengujudkan Satu Kebudayaan Kebangsaan", Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Dasar Kongres Kebangsaan Malaysia 16-20 Ogos, 1971, Kuala Lumpur : KKBS, 1971.
- Ahmat Adam, "Bahasa dan Sastera Dalam Sejarah Pergerakan Kebangsaan di Tanah Melayu", Imej Dan Sastera: Kertas Kerja Hari Sastera 1980 Kuala Lumpur : DBP, 1980.
- Aziz Deraman, "Beberapa Aspek Penting Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan", Kebudayaan Kebangsaan : Tinjauan Dari Berbagai Aspek, Kuala Lumpur : KKBS, 1977.
- _____, "Dasar Kebudayaan Kebangsaan : Hubungan Dengan Perkembangan Kebudayaan Negara", Simposium Kesarjanaan Melayu 31hb. Mac - 2hb. April, 1977, Kuala Lumpur: Bahagian Kebudayaan KKBS, 1977.
- Baharuddin Musa, "Kebudayaan Kebangsaan", Kebudayaan Kebangsaan : tinjauan Dari Berbagai Aspek, Kuala Lumpur : KKBS, 1977.
- Saad Marzuki, "Konsep, Peranan dan Strategi Koperasi-Koperasi Yang Bukan Berasaskan Pertanian dan Perikanan Dalam Sistem Usaha Bebas", Seminar Peranan Gerakan Koperasi Di Dalam Usaha Bebas, Petaling Jaya, Selangor, 1979.
- Syed Hussin Ali, "ASAS 50 dan Cita-cita Masyarakat", Warisan ASAS 50, Kuala Lumpur: DBP, 1981.
- Wong Seng Tong, "Polemik Sastera ASAS 50", Warisan ASAS 50, Kuala Lumpur: DBP, 1981.

Tesis Atau latihan Ilmiah

- Siti Aishah binti Yahya, "UMNO Negeri Sembilan Dari Tahun 1946 Sehingga 1969: Krisis-krisis Dalam UMNO Negeri Sembilan Satu Analisa", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Sumber-Sumber Lisan

Keterangan Idris bin Mat Sil, Transkripsi Sejarah Lisan, Projek Dr. Said, Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Keterangan Mohd. Said Mahmud, Transkripsi Sejarah Lisan, Projek Dr. Said, Jabatan Sejarah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Keterangan Sapiah Talib, Transkripsi/ Sejarah Lisan, Projek Dr. Said, Jabatan Sejarah, bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983.

Tokoh-Tokoh Yang Ditemubual

- | | | |
|--------------------------|---|---|
| Nama tokoh | : | Abdul Mubin Sheppard,
Tan Sri Hj. |
| Tarikh temubual | : | 4hb. Disember 1990 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Bekas Penasihat British
di Negeri Sembilan |
| Nama tokoh | : | Abdul Samad Ismail, Hj. |
| Tarikh temubual | : | 12hb. Disember, 1990 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Bekas Wartawan Utusan Melayu |
| Nama tokoh | : | Atondra (Encik Mohammad
Nordin bin Abdul Rahman, Hj) |
| Tarikh temubual | : | 10hb. Januari, 1991 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Bekas Setiausaha Akhbar
tokoh yang dikaji |
| Nama tokoh | : | Aziz Deraman |
| Tarikh temubual | : | 5hb. Januari, 1991 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Bekas Pengarah Kebudayaan
KKBS |
| Nama tokoh | : | Che Wan bin Hj. Suak |
| Tarikh temubual | : | 6hb. Disember, 1990 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Bekas Setiausaha Sulit
tokoh yang dikaji |
| Nama tokoh | : | Mohd. Sidek bin Idris, Datuk |
| Tarikh temubual | : | 7hb. Oktober, 1990 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Adik kepada tokoh yang dikaji
Beliau pernah membantu tokoh
yang dikaji dalam urusan
perniagaan |
| Nama tokoh | : | Mustafa, Datuk Hj. |
| Tarikh temubual | : | 14hb. Disember, 1990 |
| Pengalaman dan pekerjaan | : | Bekas Setiausaha Politik
tokoh yang dikaji |

Nama tokoh : Sharif bin Fakeh Hassan, Hj.
Tarikh temubual : 5hb. Disember, 1990
Pengalaman dan pekerjaan : Bekas Setiausaha Agung
ASAS NEGERI (Angkatan
Sasterawan Negeri Sembilan)

Nama tokoh : Yusuf Badin, Datuk , Hj.
Tarikh temubual : 5hb. Januari, 1991
Pengalaman dan pekerjaan : Bekas Setiausaha Agung
P.I.B.G. Negeri Sembilan.
Beliau\ juga merupakan
seorang Ahli Politik
di Negeri Sembilan.

Lampiran I

PERGERAKAN PEMUDA UMNO PUSAT 1959-1960

Ketua:

Saadon Zubir

Naib Ketua:

Tuan Haji Ahmad Abdullah Fahim

Setiausaha:

Hussein bin Akil

Ahli Jawatankuasa:

1. Encik Othman Abdullah
2. Shafei Abdullah
3. Yahya Shuban Harun
4. Mohd. Tahir Mohd. Majid
5. Abd. Samal Idris
6. Abd. Aziz Ahmad
7. Mansor bin Mohammad
8. Ismail bin Idris
9. Taha Zakaria
10. Zakaria Yusof
11. Syed Kamarulzaman
12. Burhan Mohd. Yamin

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1959

Lampiran II

**CALON-CALON YANG BERTANDING BAGI
DEWAN UNDANGAN NEGERI 1964**

Nama	Bahagian UMNO
1. Abdul Samad Idris	Seri Menanti
2. Sapiiah Talib	Johol
3. Abd. Kadir Abdullah	Ulu Mur
4. Ariffin Ali	Kuala Pilah
5. Ayakannu s/o Vallisamy	Rantau
6. Lam Teck Choon	Sungai Ujong
7. Han Hui Fong	Rahang
8. Siti Rahman Kassim	Terengang
9. Mohd. Yusof Abdullah	Kota
10. Md. Taha Abd. Talib	Tampin
11. LimHeng Seng	Gemas
12. Lee Tee Siong	Lukut
13. Cheah Yen Ywee	Jimah
14. Hj. Awaluddin Ahmad	Si Rusa
15. Hj. Sulaiman Jaalam	Pasir Panjang
16. Datuk Dr. Mohd. Said Mahmud	Linggi
17. Lim Kim Kee	Kuala Klawang
18. Aminuddin Abd. Manaf	Pertang
19. Thong Hiang Kim	Bahau
20. Tham Kin Sung	Rompin
21. Hj. Khatib Mohd. Noor	Jempol
22. Zainal Abidin Lati	Lenggeng
23. Ahmad Abdul Manaf	Labu
24. Woo Thong	Bukit Nenas

Sumber: Penyata Pilihanraya-Pilihanraya UMNO (Dewan Rakyat) dan Dewan Negeri Tahun 1964 Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur 1965

Lampiran III

UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH 1965

Pengerusi Tetap:

Encik Yunus bin Musa

Ketua Bahagian:

Encik Abdul Samad bin Idris

Timbalan Ketua:

Encik Idris bin Mat Sil

Naib Ketua:

Encik Abdul Kadir bin Abdullah

Naib Ketua (Pemuda):

Encik Yahya bin Ahmad

Naib Ketua (Kaum Ibu):

T. Safiah binti T. Ariffin

Bendahari:

Encik Taib bin Omar

Ketua Penerangan:

Encik Abu Bakar bin Ali

Setiausaha:

Encik Meon bin Hassan

Jawatankuasa Kerja:

1. Encik bahaman bin Shamsuddin
2. Encik Ariffin bin Ali
3. Puan Fatimah binti Haji Bahari
4. Encik Alias bin Bidi
5. Encik Yusof bin Mohd. Noor
6. T. Nordin Al Haj
7. Encik Amin bin sudin
8. Encik Othman bin Yassin
9. Encik Maarof bin Ahmad
10. Puan Aminah binti Ismail
11. Encik Kadir bin Ujang
12. Encik Hussein bin Ghani
13. Puan Kamariah binti Haji Yatim
14. Encik Zainol bin Haji Yatim

Pemeriksa Kira-Kira:

1. Encik Zakaria bin baba
2. Encik Mohd, Zain bin Haji Harun

sumber: Penyata Tahunan UMNO 1965

Lampiran IV

PERGERAKAN PEMUDA UMNO (PUSAT) 1965/1966

Ketua:

Encik Senu Abdul Rahman

Naib Ketua:

Encik Ali bin Haji Ahmad

Setiausaha Agong:

Tan Sri Syed Jaafar Albar
(Meletak jawatan pada 15hb. ogos 1965 dan diganti oleh
Tuan Haji Mohd. Khir bin Johari)

Penolong Setiausaha:

Tuan Haji hamzah Alang

Ahli Jawatankuasa:

1. Encik Abdul Aziz Ishak
2. Encik Abdul Samad Idris
3. Tuan Haji Hamzah Alang
4. Tuan Haji Khalid bin Awang Osman
5. Encik Nik Hassan bin haji Nik Yahya
6. encik Abdul Ghani bin Ishak
7. Encik Saidon Kechut
8. Dr. Mahathir Mohammed
9. Encik Sulaiman Bulon
10. Haji Osman bin Haji Sa'at
11. Encik Shafei bin Haji Abdullah
12. Tuan Haji Sulaiman Palestin
13. Encik Ishak Hamid
14. Encik Borhan bin Mohd. Yaman
15. Encik Musa bin Hitam

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1965

Lampiran V

PERGERAKAN PEMUDA UMNO NEGERI SEMBILAN 1969

Ketua:

Dato' Abd. Samad idris

Timbalan Ketua:

Encik Abdul Rashid Mohammad

Setiausaha:

Encik Taha Talib

Penolong Setiausaha:

Encik Hasbullah Kiam

Bendahari:

Encik Maarof Mohd. Amin

Ahli Jawatankuasa:

1. Encik Mohd, Yusof Ibrahim
2. Encik Jaafar Harun
3. Encik Abdul Kadir kassim
4. Encik Mohd. Yusof Miat
5. Encik Othman Hj. Adam
6. Encik Dahalan Aman
7. Encik Abdul Rashid Mohammad
8. Encik Mohd. Yusof Daud

Bahagian-Bahagian Dan Ketuanya:

1. Port Dickson - Encik Mohd. Yusof Ibrahim
2. Jempol - Encik Jaafar Haru
3. Jelebu - Encik Abdul Kadir Kassim
4. Johol - Encik Mohd. Yusof Miat
5. Negeri Sembilan Selatan - Encik Dahalan Aman
6. Kuala Pilah - Encik Othman Hj. Adam
7. Seremban - Encik Abdul Rashid Mohammad
8. Seremban barat - Encik Mohd. Yusof Daud

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1968-1980

Lampiran VI

UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH 1969
(Sebelum Pilihanraya)

Pengerusi Tetap:

Datuk Mohd. Idris bin Mat Sil

Ketua Bahagian:

Dato' Abd. Samad Idris

Timbalan Ketua:

Encik Ariffin Ali

Naib Ketua:

Encik Abdul Kadir bin Abdullah

Naib Ketua (Pemuda)

Encik Zainol Hj. Yatim

Naib Ketua (Kaum Ibu):

Tengku Safiah binti Tengku Ariffin

Setiausaha:

Encik Ariffin Ali

Setiausaha Kerja:

Encik Meon Hassan

Ketua Penerangan:

Encik Hashim Abd. Ghani

Ahli Jawatankuasa:

1. Encik Mohd. Taib bin Omar
2. Encik Meon Hassan
3. Encik Bahaman Shamsuddin
4. Encik Yunus Musa
5. Encik Mohd. Yusof Lal Khan
6. Encik Alias Bidi
7. Tengku Kalsom bt. Tengku Muda Chik
8. Encik Jaafar Hj. Lillah
9. Encik Abu Bakar Ali
10. Encik Hashim Ghani
11. Tuan Haji Baharuddin Shamsuddin
12. Encik Yusof bin Yusoh
13. Encik Mohd. Yasin Mahmud
14. Encik Mohd Sharif Abas
15. encik Maarof Ahmad
16. Encik Jamaludin Idris
17. Puan Kamariha Hj. Yatim
18. Tuan Haji Ahmad bador

Wakil Rakyat Dalam Bahagian:

1. Dato' Abd. Samad Idris
- Dewan Rakyat Kuala Pilah
2. Encik Mansor bin Osman
- Dewan Undangan Negeri Kawasan Seri Menanti

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1968 - 1970

Ahli Jawatankuasa:

1. Encik Mohd. Taib bin Omar
2. Encik Meon Hassan
3. Encik Bahaman Shamsuddin
4. Encik Yunus Musa
5. Encik Mohd. Yusof Lal Khan
6. Encik Alias Bidi
7. Tengku Kalsom bt. Tengku Muda Chik
8. Encik Jaafar Hj. Lillah
9. Encik Abu Bakar Ali
10. Encik Hashim Ghani
11. Tuan Haji Baharuddin Shamsuddin
12. Encik Yusof bin Yusoh
13. Encik Mohd. Yasin Mahmud
14. Encik Mohd Sharif Abas
15. encik Maarof Ahmad
16. Encik Jamaludin Idris
17. Puan Kamariha Hj. Yatim
18. Tuan Haji Ahmad bador

Wakil Rakyat Dalam Bahagian:

1. Dato' Abd. Samad Idris
- Dewan Rakyat Kuala Pilah
2. Encik Mansor bin Osman
- Dewan Undangan Negeri Kawasan Seri Menanti

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1968 - 1970

Lampiran VII

UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH 1971

Pengerusi Tetap:

Idris bin Mat Sil

Ketua:

Mansor bin Osman

Timbalan Ketua:

Abdul Samad bin Idris

Setiausaha:

Ariffin bin Ali

Bendahari:

Hashim bin Abdul Ghani

Pemeriksa Kira-Kira:

Kamarul Bahrain bin Sidin
Kadijah bin Rasul

Ahli Jawatankuasa:

1. Yunus bin Musa
2. Sharif bin Abas
3. Meon bin Hassan
4. Alias bin Bidi
5. Ali bin Ludin
6. Ma'rof bin Ahmad
7. Jaafar bin Lillah
8. Ya'kub bin Haji Yunus
9. Bakar bin Ali
10. T. Kelsom binti T.M Chik
11. Haji Baharuddin bin Shamsuddin
12. S.M Amin
13. Jamaluddin bin Idris
14. Halimah bin Rasul
15. Yasin bin Mahmud

Sumber : Penyata UMNO Tahun 1971 - 1972

Lampiran VIII

UMNO PERHUBUNGAN NEGERI SEMBILAN

Pengerusi:

Mansor bin Osman

Timbalan Pengerusi:

Abdul Samad bin Idris

Setiausaha:

Taha bin Talib

Bendahari:

Zainal Abidin bin Lati

Ahli Jawatankuasa:

1. Mohammad bin Ujang
2. Ahmad bin Manap
3. Haji Aminuddin bin Manaf
4. Haji Khatib bin Mohd. Nor
5. Samad bin Said
6. Mohd Kassim bin Pekat
7. Dahalan bin Aman
8. Abdul Kadir bin Abdullah
9. Mohd Yusof bin Daud
10. Halimah binti Rasul

Sumber : Penyata Tahunan UMNO 1971 - 1972

Lampiran IX

PENGERUSI DAN TIMBALAN PENGURUSI TETAP PEGAWAI-PEGAWAI DAN AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO 1971 - 1972

Pengerusi Tetap:

Tan Sri Nik Ahmad Kamal bin Haji Mahmood

Timbalan Pengerusi:

Encik Shouib bin Haji ahmad

Ahli-Ahli Majlis Tertinggi:

1. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein - Presiden
2. Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman - Timbalan Presiden
3. Encik Abdul Ghafar bin Baba - Naib Presiden
4. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail Al-haj - Naib Presiden
5. Tan Sri Saadon Zubir - Naib Presiden
6. Dato' Harun bin Haji Idris - Naib Presiden - PEMUDA
7. Tan Sri Hajjah Fatimah bte Haji Hashim - Naib Pres.- WANITA
- * 8. Encik Senu bin Abdul Rahman - Setiausaha Agung
- * 9. Tuan Haji Othman bin Abdullah - Ketua Penerangan
- * 10. Tengku Razaleigh Hamzah - Bendahari
11. Puan Aishah bte. Haji Abdul Ghani
12. Tan Sri Syed Jaafar Albar
13. Encik Hussien bin Onn
14. Encik Musa bin Hitam
15. Tan Sri Mohd. Ghazali bin Shafei
16. Encik Ali bin Haji Ahmad
17. Encik Wan Abdul Kadir bin Ismail
18. Dato' Haji Othman bin Hj. Mohd. Sa't
19. Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi
20. Dato' Hamzah bin Abu Samah
21. Dato' Engku Mohsein bin Abdul Kadir
22. Dato' Haji Abdul Samad bin Idris
23. Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa
24. Dato' Mansor bin Osman
25. Encik Senu bin Abdul Rahman
26. Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan
27. Encik Mohd. Khir Johari
28. Encik Hanafiah bin Hussein
29. Tengku Razaleigh Hamzah
30. Tuan Haji Othman bin Abdullah
- * 31. Tan Sri Haji Yahya bin Mohd. Seh
- * 32. Dato' Syed Ahmad Shahabuddin
- * 33. Dato' Syed Hassan Aidid
- * 34. Dato' Jaafar bin Hassan
- * 35. Tuan Dr. Rais Saniman

- * 36. Tuan Dr. Mohd. Zain bin Osman
- * 37. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don
- * dilantik oleh Presiden

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1971-1972

Lampiran X

NEGERI SEMBILAN : KAWASAN PARLIMEN BAGI
PILIHANRAYA 1978

1. Jelevu

Nama	:	Datuk Abd. Samad Idris (BN UMNO)
Jumlah Undi	:	Menang tanpa bertanding
Jumlah Pengundi:		31,406 orang

2. Mantin

Nama	:	Lee Boon Beng (BN MCA)
Jumlah Undi	:	15,723 orang
Jumlah Pengundi:		7,997 undi

3. Seremban

Nama	:	Dr. Chen Man Hin (DAP)
Jumlah Undi	:	23,057
Jumlah Pengundi:		52,924 orang
Majoriti	:	8.027 undi

4. Kuala Pilah

Nama	:	Datuk Mansor Osman (BN UMNO)
Jumlah Undi	:	12,475
Jumlah Pengundi:		29,758 orang
Majoriti	:	5,324 undi

5. Telok Kemang

Nama	:	K. Pathmanaban (BN MIC)
Jumlah Undi	:	14,521
Jumlah Pengundi:		33,512 orang
Majoriti	:	5,124 undi

6. Tampin

Nama	:	Mokhtar Hj. Hashim (BN UMNO)
Jumlah Undi	:	23,968
Jumlah Pengundi:		39,535 orang
Majoriti	:	18,393 undi

Lampiran XI

JEMAAH MENTERI KABINET KERAJAAN MALAYSIA 1978

Perdana Menteri:

Datuk Hussein Onn

Timbalan Perdana Menteri:

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed

1. Kementerian: Jabatan Perdana Menteri

- | | | | |
|------|--------------|---|--|
| i. | Menteri | : | Datuk Mohd. bin Nasir
(tanpa Jabatan) |
| ii. | Tim. Menteri | : | Datuk Seri Kamaruddin
Mat Isa |
| iii. | S/U Parlimen | : | Encik Shahrir bin Abdul
Samad |

2. Kementerian Kewangan:

- | | | | |
|------|--------------|---|--|
| i. | Menteri | : | Tengku Razaleigh Hamzah |
| ii. | Tim. Menteri | : | Datuk Neo Yee Pan
Puan Rafidah Aziz |
| iii. | S/U Parlimen | : | - |

3. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:

- | | | | |
|------|--------------|---|------------------------------|
| i. | Menteri | : | Tan Sri Mohd. Ghazali Shafei |
| ii. | Tim. Menteri | : | Datuk Sri Syed Shahabuddin |
| iii, | S/U Parlimen | : | - |

4. Kementerian Pertahanan:

- | | | | |
|------|--------------|---|--|
| i. | Menteri | : | Datuk Amar Hj. Taib Mahmud |
| ii. | Tim. Menteri | : | Datuk Mokhtar bin Hashim |
| iii. | S/U Parlimen | : | Datuk Abdul Jalal bin Hj.
Abu Bakar |

5. Kementerian Undang-Undang:

- | | | | |
|------|--------------|---|----------------------------------|
| i. | Menteri | : | Datuk Seri Haji Hamzah Abu Samah |
| ii. | Tim. Menteri | : | Datuk Abdullah Abd. Rahman |
| iii. | S/U Parlimen | : | - |

6. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian:

- i. Menteri : Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed
- ii. Tim. Menteri : Datuk Lew Sip Hon
- iii. S/U Parlimen : Datuk Abu Hassan Hj. Omar

7. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat:

- i. Menteri : Encik Richard Ho
- ii. Tim. Menteri : Encik K. pathmanaban

8. Kementerian Penerangan:

- i. Menteri : Datuk Mohammad Rahmad
- ii. Tim. Menteri : Dr. Ling Liong Sik
- iii. S/U Parlimen : Datuk Haji Embong Yahya

9. Kementerian Wilayah Persekutuan:

- i. Menteri : Datuk Hussein Onn
- ii. Tim. Menteri : -
- iii. S/U Parlimen : Encik Abdullah bin Hj. Ahmad

10. Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan:

- i. Menteri : Datuk Michael Chen Wing Sum
- ii. Tim. Menteri : Datuk Hj. Ramli Omar
Samy Velu

11. Kementerian Pengangkutan:

- i. Menteri : Tan Sri V. Manickavasagam
- ii. Tim. Menteri : Dr. Goh Cheng Teik
Encik Mohd. Ali Mohd. Sharif

12. Kementerian Kerjaraya Dan Kemudahan Awam:

- i. Menteri : Datuk Lee San Choon
- ii. Tim. Menteri : Dr. nik Hussein Abd. Rahman
- iii. S/U Parlimen : Encik William Lye

13. Kementerian Luar Negeri:

- i. Menteri : Tengku Ahmad Rithauddeen
- ii. Tim. Menteri : -
- iii. S/U Parlimen : Encik Kasim Ahmad

14. Kementerian Pertanian:

- i. Menteri : Datuk Shariff Ahmad
- ii. Tim. Menteri : Encik Edmund Langgau Anak Saga
Haji Zakaria Hj. Abd. Rahman

15. Kementerian Perusahaan Utama:

- i. Menteri : Encik Paul Leong Khee Seong
- ii. S/U Parlimen : Encik Abd. Rahim Datuk Thamby Chik

16. Kementerian Perusahaan Awam:

- i. Menteri : Encik Abd. Manan Othman
- ii. S/U Parlimen : Encik Idris Abd. Raof

17. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah:

- i. Menteri : Tan Sri Hj. Abd. Kadir bin Yusof
- ii. Tim. Menteri : Encik Sanusi Junid

18. Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar:

- i. Menteri : Tan Sri Ong Kee Hui
- ii. Tim. Menteri : Encik Clarence E. Mansul
- iii. S/U Parlimen : Encik Law Hieng Ding

19. Kementerian Pelajaran:

- i. Menteri : Datuk Musa Hitam
- ii. Tim. Menteri : Datuk Chan Siang Sun
Hj. Salleh Jafaruddin

20. Kementerian Kesihatan:

- i. Menteri : Tan Sri Chong Hon Yan
- ii. Tim. Menteri : Dr. Sulaiman Hj. Daud
- iii. S/U Parlimen : Encik Jawan Anak Empaling

21. Kementerian Kebajikan Am:

- i. Menteri : Datin Paduka Hajah Aishah Ghani
- ii. S/U Parlimen : Encik Patrick Anak Uren

22. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan:

- i. Menteri : Datuk Abd. Samad Idris
- ii. Tim. Menteri : Encik Mak Hon Kam
- iii. S/U Parlimen : Encik Luhath Wan

23. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos:

- i. Menteri : Encik Leo Moggie
- ii. Tim. Menteri : Datuk Najib Tun Razak

Sumber: Penyata Tahunan UMNO 1977/1978

Lampiran XII

Jawatankuasa Pusat Perayaan hari Kebangsaan 1984 telah bersetuju menyiarkan sebuah sajak yang dihasilkan oleh Abd. Samad Idris sempena Perayaan Hari Kebangsaan 1984.

KAMI BUNUHMU MALAYAN UNION (Kenangan kepada seluruh bangsa Melayu)

i.

Deru angin yang datang membisikkan
kesombongan satu bangsa tak mengenali adat sopan
lalu menengakkan hukum;
'beraja di mata bersultan di hati'
di bumi ini - bumi seluruh anak insan
siangnya dibakar matahari derita
malamnya diulit mimpi duka
sekian lama hidup di penjara belantara.

Dengan angkuhnya utusan dari seberang
menapak dari dada ke dada
seperti mimpi dengan igau yang menakutkan
dan lihatlah satu demi satu raja kami
tanpa darjat tanpa daulat
mac Michael meniupkan angin sombong
daei Wilayah tak bersopan
maruah kami dicabul di noda.

Awan mendung gelap pekat
menutup bumi tercinta
halilintar berdentum membelah bumi
hujan panas turun renyai-renyai
membasahi bumi anak-anak derita.

Ayam jantan berhenti berkokok
embun pagi menitik terhenti
murai pun tidak berkicau lagi
kami kehilangan segala
kami hilang pedoman
kami hilang mutiara bertatah
ratap tangis anak-anak peribumi
sedu sedan tiada terkira lagi.

ii.

Kini, bangunlah anak dari bumi tercinta
yang kehilangan milik mutlakmu
dengan sumpah rela tak terucapkan:
hidup matinya bersama keyakinan
mencurahkan baktinya bersama keberanian.

Di sini berhimpunlah umat yang hampir mati
 - dibawah matahari
 Kelab Sultan Sulaiman menjadi saksi pertemuan ini
 1 ke 4 Mac, 1946 telah menjanjikan -
 berdiri gagah seorang lelaki yang berani
 menegakkan panji-panji di atas dadanya
 mengibarkan tanjak dan destar
 menghunus keris dan lembing
 serentak bergema suara dari tiap penjuru
 'Hidup Melayu! Hidup Melayu! Hidup Melayu!.

Sesungguhnya kami tidak akan undur lagi
 keranamu bumi tercinta ini
 kami akan bersamamu selamanya:
 Onn Jaafar! Onn Jaafar! Onn Jaafar!
 dengan erat genggam tangan seluruh umat
 runtuh robihkan setiap belunggu melingkari diri
 hingga berakhir titis darah di bumi ini.

Kalau dengan kesombongan kau dirikan Malayan Union
 kemegahan bangsamu menghancurkan maruah kami
 dengan peluru dan bala tentera
 usah kau kesalkan kebangkitan anak-anak kami
 atas nama satu bangsa yang menebus maruahnyanya
 membunuh anak-anakmu bangsa durjana!
 kerana kami tidak meletakkan hukum
 hutang darah yang mesti dibayar dengan air mata.

iii.

Langit 1 April 1946 kian mendung
 nestapa satu bangsa yang ternoda maruahnyanya
 seoeerti sampah terbuang di merata lorong
 dan kamilah bangsa yang dicabar mertabatnya.

Ombak dari laut manusia melangkaui setiap penjuru
 meneggelamkan Hotel Stesyen
 dengan sorak yang bergema memerahkan segenap ruang
 "Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, Daulat Tuanku
 Tuanku jangan berangkat
 upacara yang mencabuli kedaulatan kita
 patik rela mati andainya Tuanku mengengkari
 atas nama suatu bangsa yang lebih mulia".

Air mata yang membanjiri kini
 tidak lagi berlinang membasahi pipi
 ayan jantan berkokok kembali
 muraipun berkicau riang
 embun pagi menitis semula
 sembilan raja atas nama keinsafan
 menyambut tangan kami
 dan Dato' Onn melambai-lambai tangan
 menyapu arang yang sekian lama terconteng di muka.

Berakhir sudah
babak pertama
dengan keringat dan air mata
sorak sorai anak-anak kandungmu ini
'Hidup Melayu! Hidup Melayu! Hidup Melayu!

Abdul Samad Idris

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, PEN.8 84 44 (PEN)

Lampiran XIII

PUTERA BERJASA

Padam sudah suluh negara
 Padam sudah suluh negara
 Gerhanalah bulan di awan mendung
 Berkocaklah gelombang Selat Melaka
 Gunung Tahan pecah berkecai
 Awan hitam menyelubung maya
 Hujan rintik dalam panas terik
 Tertutuplah mata ke satria negara
 Ratap tangis anak desa dan kota
 Sedu sedan perwira negara
 Sedih pilu tidak terkira
 jasamu setinggi gunung
 Menyalut awan seluas laut terbentang
 Sepanjang persada tanah air
 Dibumi menghijsau subur
 Pasti dikenang selamanya
 Diwarisi turun temurun
 Ditinta emas terpahat teguh
 Perpaduan rakyat tidaklah roboh
 Kinikau tiada lagi
 Patah tumbuh hilang berganti
 Kata indah pusaka moyang
 Tidakkan berkecai takkan bergoyang
 Azam tekak penggantimu
 Menuruti pasti jejak langkahmu

Lagu : Roisyam dan Anwar Siregar
 Lirik : Datuk Abdul Samad Idris
 Gubahan : Abdul Fatah Karim

Sumber: Siri Lagu-lagu Rakyat 1, Kementerian
 Kebudayaan Belia dan Dukan Dengan Kerjasama
 Jabatan Penyiaran Malaysia, hal. 1-8

Lampiran XIV

Karya-Karya Penulisan Abdul Samad Idris

Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, diterbitkan oleh Abdul Samad Idris sendiri, Seremban, 1961.

_____, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd., 1968.

_____, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, Seremban: Pustaka Asas Negeri, 1970.

_____, 'Suku dan Hal Adat Istiadat: Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan'. Dewan Masyarakat, September 1970.

_____, 'Perlembagaan Sebagai Sistem Adat; Biar Mati Anak Jangan Mati Adat', Dewan Masyarakat, Mac, 1971.

_____, 'Unsur-unsur Budaya Tradisional Dengan Keperibadian Malaysia: Tumpuan Ke Arah Mengujudkan Satu Kebudayaan Kebangsaan', kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Dasar, Kongres Kebudayaan kebangsaan, Kuala Lumpur : KKBS, 1971.

_____, 'Demokrasi Bermula Dari Barat?', Dewan Masyarakat 6, Jun, 1974.

_____, 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih', Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 1974.

Terdapat juga beberapa buah buku atau karya yang dihasilkan selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri (kajian yang beliau lakukan sebelum beliau meletakkan jawatan).

_____, 25 Tahun Merdeka: Kenangan Abadi Kepada Bangsa, Agama dan Tanahair, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Budiman, 1982.

_____, 50 Tahun Askar Melayu,

_____, 'Peranan Tan Sri Mubin Sheppard
Sebagai Penasihat British', Di sebalik Jendela Utusan,
Suara Keramat Ulangtahun Utusan 9M) Bhd. Ke-50 Tahun
(1939-1989), Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd., 1989.

_____, Abdul Samad Dengan 300 Pepatah,
Kuala Lumpur : Pustaka Budiman, 1989.

_____, Payung Terkembang, Kuala Lumpur:
Pustaka Budiman, 1990.

Lampiran XV



Minat beliau yang mendalam dalam bidang
'Sejarah dan Kebudayaan'.

Lampiran XVI



Sewaktu merasmikan suatu Majlis Kebudayaan

Lampiran XVII



Sebuah Sekolah Menengah yang dinamakan sempena nama Tan Sri Abdul Samad Idris di Kampung Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.